



**PIAWAIAN PERAKAUNAN ISLAM  
BAGI BAITULMAL, ZAKAT DAN WAKAF  
(PPIBZW)**

**PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

**PPIBZW**

**SEPTEMBER 2021**





**KERAJAAN MALAYSIA**

**Piawaian Perakaunan Islam  
bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW)**

**PPIBZW**  
Pembentangan Penyata Kewangan

September 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem penemuan kembali atau ditukar dalam sebarang bentuk atau dengan apa-apa cara sekalipun tanpa mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia atau sebagaimana yang dibenarkan secara nyata oleh undang-undang atau di bawah terma yang dipersetujui dengan organisasi yang mempunyai hak reprografi.

Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia untuk diguna pakai oleh Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf di Malaysia.

e ISBN 978-967-26810-0-7



**Disediakan dan diterbitkan oleh:**

Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
No. 1, Persiaran Perdana  
Kompleks Kementerian Kewangan  
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62594 Putrajaya

Tel. : 03-88821000

Web : <https://www.anm.gov.my>

## KANDUNGAN

---

	<b>Muka Surat</b>
<b>MUKADIMAH</b>	<b>3</b>
Peranan JANM	3
Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBZW)	3
<b>Seksyen 1</b>	<b>5</b>
<b>Pemakaian Awal PPIBZW</b>	<b>5</b>
Skop Seksyen	5
Prosedur Penyediaan Penyata Kewangan Dalam Peralihan	5
Kepada PPIBZW - Pembentangan Penyata Kewangan	5
Tarikh Kuat Kuasa	6
<b>Seksyen 2</b>	<b>7</b>
<b>Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf</b>	<b>7</b>
Skop Seksyen	7
Entiti Pelapor	7
<b>Seksyen 3</b>	<b>9</b>
<b>Konsep Dan Prinsip Yang Mendasari Pelaporan</b>	<b>9</b>
Skop Seksyen	9
Objektif Pelaporan	9
Objektif Penyata Kewangan Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf	9
Asas Perakaunan Akruan	9
Pematuhan Kepada PPIBZW	10
Prinsip Pendedahan	11
Pertimbangan Keseluruhan	12
Ciri-ciri Kualitatif Maklumat Dalam Penyata Kewangan	14
Kebolehpercayaan	14
Tempoh Pelaporan	17
<b>Seksyen 4</b>	<b>18</b>
<b>Pembentangan Penyata Kewangan</b>	<b>18</b>
Skop Seksyen	18
Komponen Penyata Kewangan	18
Pengenalpastian Penyata Kewangan	19
Kedudukan Kewangan	19
Prestasi Kewangan	20
Pengiktirafan Aset, Liabiliti, Hasil Dan Belanja	21
Pengukuran Aset, Liabiliti, Hasil Dan Belanja	22
Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat	23
<b>Seksyen 5</b>	<b>24</b>
<b>Penyata Kedudukan Kewangan</b>	<b>24</b>
Skop Seksyen	24
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan	24
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Sama Ada Pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan Atau Dalam Nota Kepada Akaun	26
Pengasingan Semasa/Bukan Semasa	27

Aset Semasa .....	28
Liabiliti Semasa .....	29
<b>Seksyen 6 .....</b>	<b>29</b>
<b>Penyata Prestasi Kewangan .....</b>	<b>29</b>
Skop Seksyen .....	29
Lebihan Atau Kurangan Bagi Suatu Tempoh .....	29
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Prestasi Kewangan .....	29
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Sama Ada Pada Muka Penyata Prestasi Kewangan Atau Dalam Nota kepada Akaun .....	30
Pembentangan Maklumat Belanja .....	31
<b>Seksyen 7 .....</b>	<b>33</b>
<b>Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat .....</b>	<b>33</b>
Skop Seksyen .....	33
Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Bagi Suatu Tempoh .....	33
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat .....	33
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Sama Ada Pada Muka Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat Atau Dalam Nota Kepada Akaun .....	34
<b>Seksyen 8 .....</b>	<b>35</b>
<b>Penyata Perubahan Dana Amanah .....</b>	<b>35</b>
Skop Seksyen .....	35
Objektif Penyata Perubahan Dana Amanah .....	35
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Perubahan Dana Amanah .....	35
<b>Seksyen 9 .....</b>	<b>37</b>
<b>Penyata Aliran Tunai .....</b>	<b>37</b>
Skop Seksyen .....	37
Objektif Penyata Aliran Tunai .....	37
Tunai Dan Kesetaraan Tunai .....	38
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Aliran Tunai .....	38
Aliran Tunai Mata Wang Asing .....	43
Pulangan Atau Pengagihan Pelaburan/Pembiayaan .....	43
Pelaburan Dalam Entiti Yang Dikawal, Entiti Bersekutu Dan Usaha Sama .....	44
Pemerolehan Dan Pelupusan Entiti Yang Dikawal Dan Unit Operasi Lain .....	44
Maklumat Yang Akan Dibentangkan Di Nota Kepada Akaun .....	45
<b>Seksyen 10 .....</b>	<b>47</b>
<b>Nota Kepada Akaun .....</b>	<b>47</b>
Skop Seksyen .....	47
Objektif Nota Kepada Akaun .....	47
Struktur Nota Kepada Akaun .....	47
Pendedahan Polisi Perakaunan .....	48
Maklumat Mengenai Pertimbangan .....	48
Maklumat Mengenai Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran .....	49
<b>LAMPIRAN 1 - ILUSTRASI STRUKTUR PENYATA KEWANGAN .....</b>	<b>52</b>
<b>GLOSARI .....</b>	<b>70</b>

## MUKADIMAH

- M1 Mukadimah kepada Piawaian Perakaunan Islam bagi Baitulmal, Zakat dan Wakaf (PPIBZW) menyatakan peranan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dalam mengeluarkan PPIBZW.
- M2 Mukadimah ini juga menjelaskan skop PPIBZW. Ia harus digunakan sebagai rujukan untuk mentafsir Draf Dedahan dan Piawaian yang dibangunkan dan dikeluarkan oleh JANM.

## Peranan JANM

---

- M3 JANM berperanan menerajui pembangunan dan pelaksanaan PPIBZW yang berasaskan syariah sebagai panduan kepada institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber lain yang seumpamanya di Malaysia.
- M4 JANM telah menubuhkan struktur tadbir urus yang bertanggungjawab bagi pembangunan dan pelaksanaan PPIBZW yang berasaskan syariah. Tiga jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu:
- (a) Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam (JPIs) untuk mengawasi dan meluluskan pembangunan, penggunaan/pemakaian dan pelaksanaan PPIBZW;
  - (b) Jawatankuasa Syariah Piawaian Perakaunan Islam (JSPP) untuk memberi khidmat nasihat berkaitan aspek syariah; dan
  - (c) Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan Piawaian Perakaunan Islam (JPPI) bagi mencadangkan dan mengesahkan PPIBZW untuk kelulusan JPIs.

Komposisi tiga jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil JANM, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), Jabatan Mufti Negeri, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), Jabatan Audit Negara, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), Jabatan Peguam Negara, pengamal perakaunan sektor awam dan swasta, ahli akademik serta institusi yang berkaitan dengan kewangan Islam.

## Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBZW)

---

- M5 Piawaian ini dibangunkan berdasarkan kerangka konseptual berasaskan syariah selaras dengan keperluan penjagaan harta (*hifzul mal*) dalam kerangka maqasid syariah.
- M6 PPIBZW menetapkan keperluan berkaitan transaksi dan peristiwa lain dalam pelaporan penyata kewangan tujuan umum bagi institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber lain yang seumpamanya. Penyata kewangan tujuan umum ialah penyata kewangan untuk memenuhi keperluan pengguna yang tidak boleh meminta laporan disediakan mengikut keperluan maklumat tertentu mereka.

## **Skop Piawaian**

- M7 PPIBZW digubal untuk diguna pakai oleh institusi yang mentadbir baitulmal, zakat dan wakaf atau sumber Islam yang seumpamanya bagi penyata kewangan tujuan umum.

## **Objektif Piawaian**

- M8 Objektif Piawaian ini adalah untuk menetapkan bagaimana penyata kewangan tujuan umum seharusnya dibentangkan untuk memastikan kebolehbandingan dengan penyata kewangan entiti bagi tempoh sebelumnya dan dengan penyata kewangan entiti lain.
- M9 Untuk mencapai objektif tersebut, Piawaian ini menetapkan pertimbangan keseluruhan untuk pembentangan penyata kewangan, memberi panduan bagi struktur dan keperluan minimum kandungan penyata kewangan yang disediakan oleh institusi baitulmal, zakat dan wakaf bawah asas perakaunan akruan. Ia juga menetapkan keperluan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan suatu transaksi dan peristiwa lain dalam penyata kewangan.

## **Susun Atur PPIBZW**

- M10 Piawaian ini disusun atur mengikut tajuk dengan setiap tajuk dipersembahkan dalam seksyen yang dinomborkan secara berasingan. Rujuk silang antara perenggan dikenal pasti dengan menggunakan nombor seksyen diikuti dengan sub-seksyen.
- M11 Semua perenggan dalam Piawaian ini mempunyai kuasa yang setara. Sebahagian seksyen mempunyai contoh berilustrasi yang bukan merupakan sebahagian daripada Piawaian tetapi merupakan rujukan untuk menggunakan Piawaian ini.
- M12 Setiap seksyen mengandungi asas rumusan yang berfungsi untuk mengiringi tetapi bukan sebahagian daripada Piawaian. Ia hanyalah catatan Jawatankuasa PPIBZW yang menerangkan asas sesuatu keperluan itu ditetapkan.

## **Penyelenggaraan PPIBZW**

- M13 Jawatankuasa PPIBZW bertanggungjawab untuk membuat semakan dan penambahbaikan Piawaian ini mengikut keperluan semasa.

## Seksyen 1

### *Pemakaian Awal PPIBZW*

#### **Skop Seksyen**

---

- 1.1 Seksyen ini menerangkan pemakaian awal PPIBZW oleh entiti yang pertama kali menyediakan penyata kewangan menggunakan Piawaian ini. Dalam konteks Piawaian ini, pemakaian awal adalah bermaksud pemakaian lebih awal daripada tarikh kuat kuasa Piawaian selepas ia dikeluarkan.
- 1.2 Seksyen ini adalah untuk memastikan bahawa penyata kewangan entiti yang disediakan berdasarkan bahagian pertama PPIBZW: Pembentangan Penyata Kewangan, mengandungi maklumat berkualiti tinggi yang:
  - (a) telus bagi pengguna dan boleh dibandingkan sepanjang tempoh dibentangkan;
  - (b) menyediakan titik permulaan yang sesuai untuk perakaunan mengikut PPIBZW; dan
  - (c) boleh dijana dengan kos yang tidak melebihi manfaatnya.
- 1.3 Seksyen ini menetapkan, pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan dalam tempoh pemakaian awal serta tarikh kuat kuasa Piawaian ini.

### **Prosedur Penyediaan Penyata Kewangan Dalam Peralihan Kepada PPIBZW - Pembentangan Penyata Kewangan**

---

#### **Pengiktirafan dan Pengukuran**


- 1.4 Entiti dibenarkan untuk terus mengiktiraf dan mengukur sesuatu item menggunakan Piawaian perakaunan yang digunakan dalam tahun sebelumnya sehingga Piawaian berkaitan item tersebut berkuat kuasa.
- 1.5 Dalam tempoh pemakaian awal, entiti hendaklah menggunakan semua peruntukan mengenai pengiktirafan dan pengukuran Piawaian perakaunan sedia ada sehingga semua peruntukan PPIBZW yang lain dikeluarkan.

#### **Pembentangan dan Pendedahan**

- 1.6 Peruntukan pendedahan bagi Piawaian ini perlu diguna pakai sehingga PPIBZW selesai dikeluarkan sepenuhnya. Maklumat perbandingan diperlukan bagi penyata kewangan yang menerima pakai PPIBZW buat pertama kalinya.

## Tarikh Kuat Kuasa

- 1.7 Entiti hendaklah mengguna pakai PPIBZW ke atas penyata kewangan tahunan yang meliputi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2025. Penggunaan lebih awal adalah digalakkan. Sekiranya entiti mengguna pakai PPIBZW untuk tempoh bermula sebelum **1 Januari 2025**, entiti hendaklah mendedahkan fakta tersebut.
- 1.8 Tempoh peralihan adalah selama tiga (3) tahun iaitu bermula dari tarikh kuat kuasa pada 1 Januari 2025 dan berakhir pada 31 Disember 2027. Entiti perlu memastikan semua keperluan pengiktirafan, pengukuran, pembentangan dan pendedahan hendaklah dipatuhi sepenuhnya bermula pada 1 Januari 2028.
- 1.9 Terdapat dua pengecualian terhadap Piawaian ini;
- Sekiranya pengecualian sebelum tarikh kuat kuasa, pengecualian adalah tertakluk kepada pengecualian yang diberi dalam pemakaian awal sesuatu Piawaian.
  - Sekiranya pengecualian selepas tarikh kuat kuasa, pengecualian adalah tertakluk kepada pengecualian yang diberi dalam tempoh peralihan.



## Seksyen 2

### *Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf*

#### **Skop Seksyen**

- 
- 2.1 Seksyen ini menjelaskan tentang entiti pelapor, ciri-ciri dan takrifan berkaitan institusi yang menguruskan dan mentadbir hasil-hasil agama Islam yang seumpamanya iaitu sumber am, zakat dan wakaf yang digunakan dalam Piawaian ini.

#### **Entiti Pelapor**

- 
- 2.2 Entiti pelapor ialah entiti atau sekumpulan entiti mengawal atau yang dikawal, yang mentadbir zakat atau wakaf atau sumber am atau kombinasi di antaranya. Entiti tersebut telah diberi kuasa melalui mana-mana peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa, Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 atau Enakmen Negeri kecuali bagi entiti yang dikehendaki untuk menyedia atau mengemukakan sebarang penyata kewangan di bawah sebarang undang-undang yang ditadbir oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.
- 2.3 Bagi tujuan Piawaian ini, entiti ialah institusi yang menjalankan fungsi mentadbir zakat atau wakaf atau sumber am atau kombinasi di antaranya.
- 2.4 Istilah berikut digunakan dalam Piawaian ini dengan maksud yang ditentukan:
- (a) **Entiti bersekutu** ialah entiti di mana pelabur mempunyai pegangan signifikan.
  - (b) **Entiti mengawal** ialah entiti yang mengawal satu atau lebih entiti.
  - (c) **Entiti yang dikawal** ialah entiti yang dikawal oleh entiti lain.
  - (d) **Entiti ekonomi** ialah sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti mengawal dan satu atau lebih entiti yang dikawal.
  - (e) **Fatwa** adalah merujuk kepada fatwa yang diwartakan, pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri atau sebarang jawatankuasa yang seumpamanya dan pandangan rasmi mufti secara bertulis.
  - (f) **Kumpulan Wang** ialah sumber terkumpul yang mempunyai maksud atau tujuan tertentu.
  - (g) **Maqasid Syariah** ialah merujuk kepada makna dan tujuan yang dikehendaki syarak dalam pensyariatan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.

- (h) **Sumbangan daripada pemilik** bermaksud manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang disumbangkan kepada entiti oleh pihak di luar entiti, selain yang menyebabkan timbulnya liabiliti kepada entiti, yang mewujudkan kepentingan kewangan dalam Dana Amanah entiti, yang:
- i. Melayakkan untuk (i) pengagihan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan oleh entiti sepanjang hayatnya, apabila pengagihan tersebut mengikut budi bicara pemilik atau wakil mereka, dan untuk (ii) pengagihan sebarang lebihan aset atas liabiliti sekiranya entiti digulung; dan/atau;
  - ii. Boleh dijual, ditukar, dipindah atau ditebus.
- (i) **Sumber Am** ialah hasil agama Islam selain daripada zakat dan wakaf seperti lebahan pusaka, pengurusan wasiat, hibah, sedekah, fidyah, kafarah, nazar, luqatah, wang tidak patuh syariah dan sumber lain seperti wang amanah sepertimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.
- (j) **Syariah** bermaksud hukum syarak yang berlandaskan Al-Quran, As-Sunnah dan sumber-sumber hukum lain yang diterima.
- (k) **Wakaf** ialah sebarang harta yang ditahan hak pewakaf atas harta tersebut dengan matlamat mengekalkan fizikalnya (*'ain*) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal. Manakala, manfaatnya disalurkan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah sepertimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.
- (l) **Zakat** ialah kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib dikeluarkan kepada golongan asnaf tertentu apabila cukup syarat tertentu sepertimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.

## Seksyen 3

### ***Konsep Dan Prinsip Yang Mendasari Pelaporan***

#### **Skop Seksyen**

- 3.1 Seksyen ini menjelaskan tentang objektif penyata kewangan bagi entiti pelapor dan ciri-ciri maklumat yang berkualiti untuk menjadikan penyata kewangan berguna kepada pihak yang berkepentingan. Seksyen ini turut menerangkan konsep dan prinsip yang mendasari pelaporan Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf.

#### **Objektif Pelaporan**

- 3.2 Objektif pelaporan adalah bertujuan menzahirkan akauntabiliti dan kebergunaan keputusan melalui penyata kewangan yang berasaskan kepada tiga (3) matlamat; iaitu (1) *Al-Ihsan*, (2) *Al-Adl* dan (3) *Al-Falah* dunia dan akhirat dalam menguruskan sumber yang diamanahkan berasaskan kepada prinsip maqasid syariah dalam konteks Piawaian ini.

#### **Objektif Penyata Kewangan Institusi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf**

- 3.3 Penyata kewangan ialah penyataan berstruktur bagi kedudukan kewangan dan prestasi kewangan sesebuah entiti. Objektif penyata kewangan tujuan umum adalah untuk menyediakan maklumat tentang kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai entiti yang berguna semasa membuat dan menilai keputusan berhubung dengan pengagihan sumber. Ia juga menunjukkan bagaimana entiti menguruskan dan mentadbir sumber yang diamanahkan bagi mencapai objektif pelaporan.
- 3.4 Bagi mencapai objektif tersebut, entiti hendaklah menyediakan maklumat mengikut kumpulan wang mengenai:
- sumber, pengagihan dan penggunaan sumber kewangan;
  - kaedah entiti membiayai aktiviti dan memenuhi keperluan tunai;
  - keupayaan entiti membiayai aktiviti serta memenuhi liabiliti dan komitmen;
  - keadaan kewangan entiti dan perubahannya; dan
  - prestasi entiti daripada segi kos perkhidmatan, kecekapan dan pencapaian.

#### **Asas Perakaunan Akruan**

- 3.5 Entiti perlu menyediakan penyata kewangan dengan menggunakan perakaunan asas akruan.

- 3.6 Asas akruan bermaksud asas perakaunan yang mengiktiraf transaksi dan peristiwa lain apabila ia berlaku (dan bukan sahaja apabila wang tunai atau kesetaraan tunainya diterima atau dibayar). Oleh itu, transaksi dan peristiwa dicatatkan dalam rekod perakaunan dan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tempoh ia berkaitan. Elemen yang diiktiraf bawah perakaunan akruan ialah aset, liabiliti, dana amanah, hasil dan belanja.

### **Pematuhan Kepada PPIBZW**

---

- 3.7 Penyata kewangan entiti yang mematuhi PPIBZW hendaklah menyatakan penyataan secara jelas dan tanpa syarat tentang pematuhan ini dalam Nota kepada Akaun. Penyata kewangan tidak boleh dikatakan sebagai mematuhi PPIBZW kecuali penyata kewangan berkenaan mematuhi semua keperluan Piawaian ini.
- 3.8 Dalam keadaan tertentu di mana pengurusan sesebuah entiti membuat keputusan bahawa pematuhan kepada Piawaian ini akan mengelirukan dan menimbulkan konflik dengan fatwa yang berkuat kuasa, entiti perlu berbeza daripada keperluan berkenaan dengan mengikut ketetapan dalam Seksyen 3.10.
- 3.9 Selain itu, dalam situasi yang amat jarang berlaku di mana pengurusan sesebuah entiti membuat keputusan bahawa pematuhan kepada Piawaian ini akan mengelirukan dan menimbulkan konflik dengan objektif penyata kewangan entiti seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 3.3 dan 3.4, entiti perlu berbeza daripada keperluan berkenaan dengan mengikut ketetapan dalam Seksyen 3.10, kecuali perundangan yang berkaitan melarang perbezaan berkenaan.
- 3.10 Apabila entiti berbeza daripada keperluan Piawaian ini seperti mana yang dinyatakan dalam Seksyen 3.8 dan 3.9, ia hendaklah mendedahkan maklumat berikut:
- (a) Keputusan fatwa dan/atau pengurusan bahawa kedudukan kewangan, prestasi kewangan, aliran tunai entiti dan kumpulan wang dalam penyata kewangan telah dibentangkan secara adil;
  - (b) Penyata kewangan telah mematuhi PPIBZW, kecuali ia telah berbeza daripada keperluan tertentu untuk mencapai pendedahan yang adil; dan
  - (c) Sifat perbezaan, termasuk pengolahan yang diperlukan oleh PPIBZW, iaitu pengolahan yang akan menimbulkan kekeliruan dalam sesuatu situasi yang menyebabkan konflik dengan objektif penyata kewangan seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 3.3 dan 3.4 dan pengolahan yang digunakan.
- 3.11 Apabila entiti telah berbeza daripada keperluan Piawaian ini dalam tempoh sebelumnya, dan perbezaan berkenaan memberi kesan kepada pengiktirafan amaun dalam penyata kewangan tempoh semasa, ia hendaklah menyediakan pendedahan seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 3.10(c).

- 3.12 Dalam keadaan yang amat jarang berlaku, apabila pihak pengurusan memutuskan bahawa pematuhan kepada keperluan Piawaian menjadi begitu mengelirukan sehingga ia mungkin berkonflik dengan objektif penyata kewangan yang dibentangkan dalam Piawaian ini, tetapi rangka kerja kawal selia yang berkaitan tidak membenarkan perbezaan daripada keperluan tersebut, maka entiti hendaklah, sehingga ke tahap maksimum yang mungkin, mengurangkan aspek pematuhan yang mengelirukan dengan mendedahkan:
- (a) tajuk Piawaian berkenaan, jenis keperluan, dan alasan mengapa pihak pengurusan memutuskan bahawa pematuhan kepada keperluan itu begitu mengelirukan dalam keadaan berkonflik dengan objektif penyata kewangan yang dinyatakan dalam Piawaian ini; dan
  - (b) bagi setiap tempoh yang dibentangkan, pelarasan ke atas setiap item dalam penyata kewangan yang telah diputuskan oleh pihak pengurusan mungkin diperlukan untuk mencapai pembentangan saksama.
- 3.13 Entiti hendaklah mendedahkan dalam Nota kepada Akaun, sebarang transaksi yang tidak berdasarkan syariah (sebagai contoh, kadar kos pinjaman).
- 3.14 Entiti digalakkan untuk mendedahkan dalam Nota kepada Akaun, sebarang transaksi dan peristiwa bukan kewangan (sebagai contoh, perkhidmatan masyarakat yang diberikan oleh entiti), serta maklumat tambahan lain yang baik.

## **Prinsip Pendedahan**

---

- 3.15 Prinsip pendedahan hendaklah berdasarkan maqasid syariah mengikut hierarki tertentu bagi memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Hierarki pendedahan dalam Piawaian ini adalah seperti berikut:
- (a) **Prinsip Kemestian**, pendedahan maklumat yang mesti dibuat bagi mencapai tujuan pelaporan iaitu untuk pembuatan keputusan dan untuk penzahiran akauntabiliti. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut dalam laporan boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak tercapai dan boleh memberi implikasi tidak baik kepada pihak yang berkepentingan iaitu manusia dan pengguna laporan khususnya. Maklumat berkenaan hendaklah didedahkan pada muka penyata kewangan dan/atau Nota kepada Akaun bergantung kepada sifat maklumat sama ada kuantitatif atau kualitatif.
  - (b) **Prinsip Keperluan**, pendedahan perlu untuk menambah pemahaman. Pendedahan maklumat ini akan memberi penjelasan kepada maklumat asas dan akan mewujudkan kemudahan serta kelapangan kepada pihak yang berkepentingan. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut boleh menyebabkan tujuan pelaporan tidak dapat dicapai dengan sempurna dan boleh memberi sedikit kesusahan atau kekeliruan kepada pengguna laporan. Maklumat penting berkenaan hendaklah didedahkan di dalam Nota kepada Akaun.

- (c) **Prinsip Kesempurnaan**, pendedahan yang digalakkan yang bertujuan untuk memberi pengukuhan kepada pendedahan yang sedia ada. Ketiadaan pendedahan maklumat tersebut tidak menjelaskan pencapaian tujuan pelaporan tetapi akan membantu memperkuuhkan cara entiti pelapor menzahirkan akauntabiliti. Maklumat berkenaan boleh didedahkan di dalam Nota kepada Akaun atau dalam laporan berasingan.

## Pertimbangan Keseluruhan

---

### Kematanan

- 3.16 Maklumat adalah matan sekiranya peninggalan atau salah nyata boleh mempengaruhi keputusan pengguna yang dibuat berdasarkan penyata kewangan tersebut. Kematanan bergantung kepada sifat, saiz dan impak kesilapan tersebut mengikut hierarki pendedahan seperti yang dinyatakan di Seksyen 3.15.
- 3.17 Pertimbangan khusus perlu diberi kepada item atau transaksi matan di mana sebarang peninggalan maklumat atau salah nyata yang boleh mempengaruhi keputusan ekonomi oleh pengguna dan penilaian terhadap akauntabiliti pengurusan entiti akan menyebabkan penyata kewangan tidak memberi gambaran yang benar dan saksama. Pengecualian daripada pertimbangan ini adalah bagi Kumpulan Wang Zakat dan Kumpulan Wang Wakaf di mana semua transaksi zakat dan wakaf perlu didedahkan walaupun tiada transaksi bagi barisan item tersebut.

### Entiti Berasingan

- 3.18 Entiti berasingan ialah entiti yang wujud sebagai satu entiti atau unit yang berasingan daripada pemiliknya dan/atau entiti yang mengawalnya.

### Usaha Berterusan

- 3.19 Penyata kewangan hendaklah disediakan atas prinsip usaha berterusan melainkan adanya niat untuk membubarkan entiti atau menamatkan operasinya dalam tempoh masa yang boleh diramalkan. Apabila menyediakan penyata kewangan, penilaian terhadap keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan hendaklah dibuat oleh pihak yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan.
- 3.20 Semasa membuat penilaian usaha berterusan, sekiranya mereka yang bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan menyedari tentang ketidakpastian signifikansi berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara terhadap keupayaan entiti untuk terus beroperasi sebagai usaha berterusan, maka ketidakpastian itu hendaklah didedahkan. Sekiranya penyata kewangan tidak disediakan atas prinsip usaha berterusan, maka fakta itu hendaklah didedahkan, bersama-sama dengan asas penyediaan penyata kewangan dan alasan mengapa entiti tidak dianggap sebagai usaha berterusan.

## Ketekalan Pembentangan dan Pendedahan

- 3.21 Pembentangan dan klasifikasi item dalam penyata kewangan hendaklah dikenalkan dari satu tempoh ke tempoh berikutnya melainkan:
- (a) Jelas bahawa, selepas perubahan signifikan dalam jenis operasi entiti atau kajian semula penyata kewangan, pembentangan atau klasifikasi lain lebih wajar setelah mengambil kira kriteria pemilihan dan pemakaian dasar perakaunan dalam Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan; atau
  - (b) PPIBZW menghendaki perubahan dalam pembentangan. Entiti boleh mengubah pembentangan penyata kewangan hanya jika pembentangan yang diubah itu menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan kepada pengguna penyata kewangan, dan struktur yang disemak semula mungkin diteruskan, supaya kebolehbandingan tidak terjejas. Apabila membuat perubahan dalam pembentangan, entiti mengelaskan semula maklumat perbandingannya menurut Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.

## Mengofset

- 3.22 Aset dan liabiliti, serta hasil dan belanja, tidak boleh dioffset melainkan dibenarkan oleh mana-mana peruntukan yang berkaitan dalam PPIBZW, fatwa atau pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri atau apa-apa jawatankuasa yang seumpamanya.
- 3.23 Aset dan liabiliti, serta hasil dan belanja bagi entiti dan setiap kumpulan wang adalah penting untuk dilaporkan secara berasingan. Mengofset dalam Penyata Prestasi Kewangan atau Penyata Kedudukan Kewangan akan mengurangkan keupayaan pengguna untuk:
- (a) memahami transaksi, peristiwa lain dan keadaan yang telah berlaku; dan
  - (b) menilai aliran tunai masa hadapan entiti. Pengukuran bagi aset bersih selepas ditolak dengan elauan penilaian bukanlah satu ofset. Sebagai contoh, nilai buku bersih aset selepas ditolak dengan susut nilai kecuali apabila ofset tersebut menunjukkan inti pati transaksi atau peristiwa lain.
- 3.24 Dalam situasi yang berkaitan dengan hasil, hasil diukur pada pertimbangan nilai saksama bagi hasil yang diterima atau belum terima, dengan mengambil kira jumlah apa-apa diskau dagangan dan rebat volum yang dibenarkan oleh entiti tersebut. Ia bukanlah satu ofset.

- 3.25 Dalam keadaan tertentu, entiti melaksanakan transaksi yang tidak menjana hasil tetapi transaksi tersebut berkait dengan aktiviti yang menjana hasil utama. Kesan transaksi tersebut dibentangkan secara bersih dengan menolak belanja yang berkaitan daripada hasil transaksi yang sama apabila pembentangan itu dapat menggambarkan inti pati transaksi atau peristiwa lain. Sebagai contoh:
- (a) Laba dan rugi daripada pelupusan aset bukan semasa, termasuk aset pelaburan dan operasi, dilaporkan dengan menolak nilai jualan pelupusan dengan nilai bawaan bagi aset dan belanja jualan yang berkaitan; dan
  - (b) Belanja berkaitan dengan peruntukan yang diiktiraf menurut Seksyen Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka dan dibayar balik di bawah pengaturan berkontrak dengan pihak ketiga. Contohnya, perjanjian waranti pembekal boleh dioffset dengan pembayaran balik yang berkaitan.
- 3.26 Selain itu, laba dan rugi yang diperoleh daripada kumpulan transaksi yang sama hendaklah dilaporkan pada asas bersih. Sebagai contoh, laba dan rugi pertukaran mata wang asing serta laba dan rugi yang diperoleh daripada instrumen kewangan yang dipegang untuk didagangkan. Laba dan rugi tersebut, walau bagaimanapun, dilaporkan secara berasingan jika ia matan.

## **Ciri-ciri Kualitatif Maklumat Dalam Penyata Kewangan**

---

### **Kebolehpercayaan**

- 3.27 Maklumat yang boleh dipercayai bebas daripada kesilapan matan dan berat sebelah, dan pengguna boleh bergantung padanya untuk menggambarkan secara benar apa yang ingin dinyatakan atau apa yang dijangka akan digambarkan secara munasabah. Maklumat berkenaan boleh dipercayai sekiranya ia:
- (a) menggambarkan kejujuran dan kebenaran terhadap keputusan dan kedudukan kewangan entiti;
  - (b) mencerminkan inti pati ekonomi bagi sesuatu peristiwa dan transaksi dan bukan semata-mata bentuknya yang sah di sisi undang-undang;
  - (c) berkecuali dan bebas daripada berat sebelah;
  - (d) berhemat; dan
  - (e) lengkap dalam semua perkara yang matan.

## Kerelevan

- 3.28 Maklumat yang disediakan dalam penyata kewangan hendaklah relevan kepada keperluan pembuatan keputusan oleh pengguna. Maklumat adalah relevan apabila ia berupaya mempengaruhi keputusan ekonomi dan sosial untuk menjaga kemaslahatan masyarakat dengan membantu menilai masa lepas, masa kini dan masa hadapan atau mengesahkan, atau membetulkan penilaian masa lalu.

## Pemasaan

- 3.29 Maklumat penyata kewangan hendaklah disediakan dalam tempoh yang munasabah selepas tarikh pelaporan. Sekiranya berlaku kelewatan yang tidak wajar semasa melaporkan maklumat, maka maklumat itu mungkin tidak lagi relevan. Pengurusan mungkin perlu mengimbangi antara faedah pelaporan tepat pada masanya dan juga kebolehpercayaan maklumat. Bagi menyediakan maklumat yang tepat pada masanya, kebiasaan pelaporan dibuat sebelum semua aspek transaksi diketahui, perkara ini akan menjelaskan kebolehpercayaan. Sebaliknya, jika pelaporan ini ditunda atau dilewatkhan sehingga semua aspek diketahui, ia sangat boleh dipercayai tetapi kurang berguna kepada pengguna yang perlu membuat keputusan interim. Untuk mencapai keseimbangan antara relevan dengan kebolehpercayaan, pertimbangan utama adalah kebolehpercayaan atas dasar keadilan dan kebertanggungjawaban atas amanah yang diberi dalam menguruskan hasil-hasil agama Islam.

## Gambaran Sebenar

- 3.30 Maklumat yang dipersembahkan dalam penyata kewangan hendaklah memberikan gambaran sebenar transaksi dan peristiwa yang berlaku dalam sesuatu tempoh. Ia hendaklah benar, telus, tepat, komprehensif, jelas dan tidak mengurangi hak sesiapa walaupun sedikit serta bebas dari kesilapan.
- 3.31 Maklumat tersebut juga hendaklah dibentangkan mengikut inti pati sebenar transaksi atau peristiwa lain yang berkaitan, bukan sekadar bentuknya yang sah di sisi undang-undang. Dalam hal ini, entiti perlu mengadakan bukti dan keterangan yang menjelaskan kesahihan transaksi berkenaan.

## Mementingkan Inti Pati Berbanding Rupa Bentuk

- 3.32 Sekiranya sesuatu maklumat dibentang untuk menggambarkan secara benar transaksi dan peristiwa lain mengikut tujuan maklumat tersebut, maka transaksi dan peristiwa lain itu perlu dijelaskan dan dibentangkan mengikut inti pati dan realiti ekonominya, bukan sekadar rupa bentuknya yang sah di sisi undang-undang. Inti pati transaksi atau peristiwa lain, tidak semestinya konsisten dengan bentuk sahnya.

## **Boleh Difahami**

- 3.33 Maklumat dalam penyata kewangan boleh difahami apabila pengguna dijangka dapat memahami maksudnya secara munasabah. Untuk tujuan ini, pengguna dianggap mempunyai pengetahuan yang munasabah tentang aktiviti entiti dalam mentadbir Baitulmal, zakat dan wakaf, persekitaran di mana entiti beroperasi, perakaunan dan bersedia mengkaji maklumat tersebut dengan terperinci.
- 3.34 Maklumat tentang perkara yang rumit tidak harus dikecualikan daripada penyata kewangan semata-mata atas alasan bahawa ia mungkin terlalu sukar untuk difahami oleh pengguna tertentu.

## **Kebolehbandingan**

- 3.35 Pengguna hendaklah berupaya membandingkan penyata kewangan entiti bagi sesuatu tempoh untuk mengenal pasti trend aliran kedudukan dan prestasi kewangannya. Pengguna juga harus dapat membandingkan; penyata kewangan entiti dengan entiti yang lain untuk menilai kedudukan kewangan, prestasi, aliran tunai dan perubahan dalam kedudukan kewangan mereka secara relatif.
- 3.36 Oleh itu, pengukuran dan pemaparan kesan kewangan terhadap transaksi dan peristiwa lain dan keadaan lain mesti dilaksanakan secara konsisten dikeseluruhan entiti dan sepanjang masa dengan cara yang konsisten merentas entiti. Selain itu, pengguna hendaklah dimaklumkan mengenai polisi perakaunan yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan dan sebarang perubahan dalam polisi tersebut serta kesan kepada perubahan tersebut.

## **Kos atau Usaha Tidak Wajar**

- 3.37 Pengecualian kos atau usaha yang tidak wajar dinyatakan untuk beberapa keperluan dalam Piawaian ini dan tidak boleh digunakan untuk keperluan lain. Pertimbangan sama ada mendapatkan atau menentukan maklumat yang diperlukan untuk mematuhi sesuatu keperluan akan melibatkan kos atau usaha yang tidak wajar, bergantung kepada keadaan tertentu entiti dan pertimbangan pihak pengurusan terhadap kos dan manfaat bagi memenuhi keperluan tersebut. Pertimbangan ini perlu mengambil kira bagaimana keputusan ekonomi pengguna penyata kewangan ini boleh terjejas akibat daripada ketiadaan maklumat tersebut. Pematuhan kepada sesuatu keperluan akan melibatkan kos atau usaha tidak wajar oleh entiti sekiranya terdapat peningkatan kos (contoh, yuran penilai) atau penambahan usaha (contoh, usaha oleh pekerja) yang cukup besar, melebihi manfaat yang dijangka diterima oleh pengguna penyata kewangan daripada penggunaan maklumat tersebut.

- 3.38 Penilaian sama ada sesuatu keperluan akan melibatkan kos atau usaha tidak wajar ketika pengiktirafan awal dalam penyata kewangan, contohnya pada tarikh transaksi, hendaklah berdasarkan kepada maklumat mengenai kos dan manfaat daripada sesuatu keperluan pada ketika pengiktirafan awal itu dibuat. Sekiranya pengecualian kos atau usaha tidak wajar juga terpakai selepas pengiktirafan awal, sebagai contoh, ketika pengukuran berikutnya sesuatu item, penilaian baharu terhadap kos atau usaha yang tidak wajar hendaklah dibuat pada tarikh berikutnya, berdasarkan maklumat pada tarikh tersebut.
- 3.39 Apabila entiti menggunakan pengecualian kos atau usaha tidak wajar, entiti itu hendaklah mendedahkan fakta tersebut dan sebab mengapa pematuhan kepada sesuatu keperluan akan melibatkan kos atau usaha tidak wajar dalam Nota kepada Akaun.

### **Tempoh Pelaporan**

---

- 3.40 Penyata kewangan hendaklah dibentangkan sekurang-kurangnya sekali setahun. Apabila tarikh pelaporan entiti berubah dan penyata kewangan tahunan yang dibentangkan untuk satu tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek daripada satu tahun, entiti itu hendaklah menyatakan perkara-perkara berikut:
- (a) Penjelasan dalam Nota kepada Akaun;
  - (b) Penjelasan mengenai penggunaan tempoh yang lebih panjang atau lebih pendek; dan
  - (c) Fakta bahawa jumlah perbandingan untuk penyata tertentu seperti Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dana Amanah, Penyata Aliran Tunai, dan nota yang berkaitan tidak boleh dibandingkan sepenuhnya.

## Seksyen 4

### *Pembentangan Penyata Kewangan*

#### **Skop Seksyen**

---

4.1 Seksyen ini menerangkan tentang komponen penyata kewangan bagi maklumat kewangan dan bukan kewangan. Ia juga menjelaskan takrifan berkaitan elemen-elemen dalam penyata tersebut.

#### **Komponen Penyata Kewangan**

4.2 Penyata kewangan yang lengkap sesebuah entiti hendaklah meliputi maklumat kewangan dan bukan kewangan.

4.3 Penyata kewangan utama yang lengkap terdiri daripada;

- (a) Penyata Kedudukan Kewangan;
- (b) Penyata Prestasi Kewangan;
- (c) Penyata Kutipan dan Agihan Zakat;
- (d) Penyata Perubahan Dana Amanah;
- (e) Penyata Aliran Tunai;
- (f) Perbandingan jumlah bajet dengan jumlah sebenar sama ada sebagai satu penyata kewangan tambahan yang berasingan atau sebagai satu lajur bajet dalam penyata kewangan sekiranya entiti mendedahkan bajet yang telah diluluskan kepada awam;
- (g) Nota, yang mengandungi ringkasan dasar perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain; dan
- (h) Penyata lain yang difikirkan perlu.

4.4 Semua penyata di atas hendaklah dibentangkan secara berasingan mengikut kumpulan wang kecuali bagi item 4.3 (a), (f) dan (g) hendaklah dibentangkan dalam format berlajur.

4.5 Pembentangan kumpulan wang dibuat secara berasingan dalam format berlajur mengikut Seksyen 4.4 kerana format ini memberikan gambaran yang lebih jelas tentang operasi bagi setiap kumpulan wang dan transaksi antara kumpulan wang. Ini adalah kerana setiap dana kumpulan wang mempunyai tujuan khusus atau umum yang mana penggunaannya telah ditentukan secara terhad. Pengurusan, kaedah, pelaksanaan dan operasi kumpulan wang adalah secara tersendiri.

## Pengenalpastian Penyata Kewangan

---

- 4.6 Penyata kewangan hendaklah dikenal pasti dengan jelas dan dibezakan daripada maklumat lain dalam dokumen sama yang diterbitkan.
- 4.7 PPIBZW terpakai hanya kepada penyata kewangan, bukan kepada maklumat lain yang dibentangkan di dalam laporan tahunan atau dokumen lain. Oleh itu, adalah penting pengguna dapat membezakan maklumat yang disediakan menggunakan PPIBZW dengan maklumat lain yang mungkin berguna kepada pengguna tetapi tidak tertakluk kepada keperluan tersebut.
- 4.8 Setiap komponen penyata kewangan hendaklah dikenal pasti dengan jelas. Selain itu, maklumat berikut hendaklah dinyatakan dengan jelas dan diulang apabila perlu bagi memastikan maklumat yang dibentangkan difahami dengan sebaiknya, iaitu:
- (a) Nama entiti yang melapor atau cara pengenalpastian lain, dan sebarang perubahan pada maklumat dari tarikh pelaporan sebelumnya;
  - (b) Penyata kewangan merangkumi entiti dan Kumpulan Wang Sumber Am, Zakat dan Wakaf yang ditadbir di bawah entiti;
  - (c) Tarikh pelaporan atau tempoh yang diliputi oleh penyata kewangan, mengikut mana-mana yang sesuai dengan komponen penyata kewangan;
  - (d) Mata wang pembentangan, seperti yang ditetapkan dalam Seksyen Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing; dan
  - (e) Tahap pembundaran yang digunakan semasa membentangkan angka dalam penyata kewangan.
- 4.9 Keperluan dalam Seksyen 4.7 biasanya dipenuhi dengan memasukkan tajuk halaman dan ringkasan tajuk lajur pada setiap halaman penyata kewangan. Pertimbangan perlu dibuat untuk menentukan cara terbaik membentangkan maklumat berkenaan. Sebagai contoh, apabila penyata kewangan dibentangkan secara elektronik, halaman berasingan tidak selalunya digunakan, item di atas kemudiannya kerap dibentang untuk memastikan maklumat yang dimasukkan dalam penyata kewangan difahami dengan betul.
- 4.10 Penyata kewangan biasanya lebih mudah difahami sekiranya maklumat dibentangkan dalam ribu atau juta bagi unit mata wang. Perkara ini boleh diterima selagi tahap pembundaran dalam pembentangan didedahkan dan maklumat matan tidak diabaikan.

## Kedudukan Kewangan

---

4.11 Kedudukan kewangan sesebuah entiti ialah menunjukkan hubungan antara aset, liabiliti dan dana amanah pada tarikh tertentu seperti yang dibentangkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Ini diterangkan seperti berikut:

- (a) Aset merupakan sumber sama ada fizikal ('ain) atau bukan fizikal hasil daripada peristiwa lampau, yang dikawal (*hiyazah*) oleh entiti yang boleh memberi manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang akan mengalir ke dalam entiti dan/atau penerima manfaat menurut hukum syarak.
- (b) Liabiliti ialah obligasi kini entiti yang wujud kesan daripada peristiwa lampau, yang penyelesaiannya dijangka akan menyebabkan aliran keluar dari sumber entiti yang mengandungi manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan.
- (c) Dana Amanah merupakan faedah sisa dalam sumber yang dikawal oleh entiti selepas ditolak dengan obligasi bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Ia adalah istilah yang digunakan dalam Piawaian ini, untuk merujuk kepada aset bersih/ekuiti. Istilah lain boleh digunakan untuk menggantikan istilah dana amanah dengan syarat maksudnya adalah jelas.

4.12 Sesuatu aset dikawal oleh entiti jika dan hanya jika entiti tersebut:

- (a) mempunyai hak terhadap sesuatu sumber fizikal ('ain) atau bukan fizikal dan/atau penggunaan (manfaat) serta berupaya untuk menggunakan hak tersebut bagi mendapatkan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan; atau
- (b) berkemungkinan menanggung risiko atau/dan ganjaran signifikan yang timbul daripada pemilikan sesuatu sumber fizikal ('ain) atau bukan fizikal dan/atau penggunaan (manfaat).

## Prestasi Kewangan

---

4.13 Prestasi kewangan menunjukkan hubungan antara hasil dan belanja bagi tempoh pelaporan tertentu. Hasil dan belanja ditakrifkan seperti berikut:

- (a) Hasil ialah aliran masuk kasar manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan sepanjang tempoh pelaporan apabila aliran masuk itu menyebabkan berlakunya peningkatan dalam Dana Amanah, selain peningkatan berkaitan dengan sumbangan daripada pewakaf atau pemilik; dan

- (b) Belanja ialah pengurangan dalam manfaat ekonomi atau potensi perkhidmatan semasa tempoh pelaporan dalam bentuk aliran keluar atau penggunaan aset atau pewujudan liabiliti yang mengakibatkan pengurangan Dana Amanah, selain yang berkaitan dengan pengagihan kepada pemilik.

### **Pengiktirafan Aset, Liabiliti, Hasil Dan Belanja**

---

- 4.14 Pengiktirafan ialah proses memasukkan dalam penyata kewangan sesuatu item yang memenuhi takrifan aset, liabiliti, hasil atau belanja dan menepati kriteria berikut:
- (a) terdapat kebarangkalian bahawa sebarang manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang berkaitan dengan item akan mengalir kepada atau daripada entiti; dan
  - (b) item mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan munasabah.
- 4.15 Kegagalan dalam mengiktiraf sesuatu item yang menepati kriteria berkenaan tidak boleh diperbetulkan dengan pendedahan polisi perakaunan yang digunakan atau melalui Nota kepada Akaun atau bahan penerangan lain. Sebaliknya, pindaan kepada penyata kewangan perlu dibuat berdasarkan Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.

### **Kebarangkalian Manfaat Ekonomi Masa Hadapan Dan Potensi Perkhidmatan**

- 4.16 Aset menyediakan cara untuk entiti mencapai objektifnya. Aset yang digunakan untuk menyampaikan barang dan perkhidmatan selaras dengan objektif entiti, tetapi tidak secara langsung menjana aliran masuk tunai bersih, selalunya digambarkan sebagai mempunyai potensi perkhidmatan. Aset yang digunakan untuk menjana aliran masuk tunai bersih sering kali digambarkan sebagai manfaat ekonomi masa hadapan. Untuk merangkumi semua tujuan penggunaan aset, Piawaian ini menggunakan istilah “manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan” untuk menerangkan ciri-ciri penting aset.
- 4.17 Konsep kebarangkalian digunakan dalam kriteria pertama pengiktirafan. Ia merujuk kepada tahap ketidakpastian yang manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan berkaitan dengan item itu akan mengalir kepada atau daripada entiti. Penilaian tahap ketidakpastian yang berkaitan dengan aliran manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan dibuat berdasarkan bukti yang berkaitan dengan keadaan pada akhir tempoh pelaporan. Bagi item yang signifikan, penilaian perlu dibuat secara individu. Manakala, bagi item yang tidak signifikan secara individu dan bagi populasi yang besar, penilaian boleh dibuat secara berkumpulan.

## **Kebolehpercayaan Pengukuran**

- 4.18 Kriteria kedua untuk pengiktirafan sesuatu item adalah ia mempunyai kos atau nilai yang boleh diukur dengan kebolehpercayaan. Dalam kebanyakan kes, kos atau nilai item diketahui. Dalam kes lain ia mesti dianggarkan. Penggunaan anggaran yang munasabah adalah perkara utama dalam penyediaan penyata kewangan dan tidak menjelaskan kebolehpercayaannya. Apabila anggaran munasabah tidak boleh dibuat, item tersebut tidak akan diiktiraf dalam penyata kewangan.
- 4.19 Item yang tidak memenuhi kriteria pengiktirafan, mungkin layak untuk diiktiraf di masa hadapan kesan daripada keadaan atau peristiwa berikutnya.
- 4.20 Item yang tidak memenuhi kriteria pengiktirafan, walau bagaimanapun mungkin memerlukan pendedahan dalam Nota kepada Akaun atau bahan penerangan atau jadual tambahan. Ini adalah sesuai apabila pengetahuan mengenai perkara itu relevan untuk menilai kedudukan kewangan, prestasi dan perubahan kedudukan kewangan entiti oleh pengguna penyata kewangan.

## **Pengukuran Aset, Liabiliti, Hasil Dan Belanja**

---

- 4.21 Pengukuran ialah proses menentukan amaun monetari di mana entiti mengukur aset, liabiliti, hasil dan belanja dalam penyata kewangannya. Pengukuran melibatkan pemilihan asas pengukuran. Piawaian ini menentukan asas pengukuran entiti yang akan digunakan untuk pelbagai jenis aset, liabiliti, hasil dan belanja.
- 4.22 Tiga asas pengukuran ialah kos sejarah, nilai saksama dan nilai nominal:
- (a) Kos sejarah:
- i. bagi aset, ialah amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dibayar ataupun nilai saksama bagi pertimbangan lain yang diberikan untuk memperoleh sesuatu aset pada masa pemerolehan atau pembinaannya.
  - ii. bagi liabiliti, ialah amaun terimaan tunai atau kesetaraan tunai yang diterima atau nilai saksama aset bukan tunai yang diterima sebagai pertukaran untuk obligasi pada masa obligasi itu ditanggung, atau dalam beberapa keadaan (contohnya, sewaan tanah dan pajakan) amaun tunai atau kesetaraan tunai yang dijangka dibayar untuk menyelesaikan liabiliti dalam operasi normal entiti. Pelunasan kos sejarah ialah kos sejarah aset atau liabiliti ditambah atau ditolak bahagian kos sejarahnya yang sebelum ini diiktiraf sebagai belanja atau hasil.

- (b) Nilai saksama ialah amaun sesuatu aset yang boleh ditukarkan, atau liabiliti diselesaikan, antara pihak yang berpengetahuan, dan bersedia dalam transaksi secara tulus. Dalam keadaan di mana pengukuran nilai saksama dibenarkan atau dikehendaki, panduan yang dinyatakan dalam Seksyen Instrumen Kewangan hendaklah digunakan.
- (c) Nilai nominal ialah sesuatu nilai yang diletakkan oleh entiti bagi tujuan perakaunan yang tidak mempunyai kaitan dengan harga pasaran atau kos sejarah. Nilai tersebut ialah nilai yang sangat kecil atau jauh lebih rendah daripada anggaran kasar nilai saksama atau anggaran kasar kos sebenar.

### **Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat**

---

4.23 Penyata ini adalah bertujuan untuk menunjukkan pengurusan zakat oleh entiti dalam membuat kutipan dan agihan zakat serta Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih jika ada. Kutipan dan agihan ditakrifkan seperti berikut:

- (a) Kutipan ialah aliran masuk kasar sepanjang tempoh pelaporan; dan
- (b) Agihan ialah aliran keluar yang diberikan kepada asnaf sepanjang tempoh pelaporan.

## Seksyen 5

### *Penyata Kedudukan Kewangan*

#### **Skop Seksyen**

- 
- 5.1 Entiti perlu menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan menurut kehendak Seksyen ini dan perlu membentangkannya sebagai sebahagian daripada penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan yang dibentangkan.
  - 5.2 Seksyen ini menerangkan tentang komponen bagi Penyata Kedudukan Kewangan dan bagaimana untuk membentangkannya. Penyata ini membentangkan aset, liabiliti dan dana amanah pada satu tarikh tertentu iaitu tarikh akhir pelaporan.

#### **Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan**

- 
- 5.3 Selaras dengan Prinsip Kemestian, muka Penyata Kedudukan Kewangan entiti hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya baris item yang menunjukkan amanah berikut:
    - (a) Tunai dan Kesetaraan Tunai;
    - (b) Belum Terima;
    - (c) Agihan Wakalah Tertunda;
    - (d) Aset Kewangan (tidak termasuk item (a), (b), (f), (g), dan (h));
    - (e) Inventori;
    - (f) Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal;
    - (g) Pelaburan dalam Entiti Bersekutu;
    - (h) Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal Bersama;
    - (i) Hartanah Pelaburan;
    - (j) Hartanah, Loji dan Peralatan;
    - (k) Aset Tak Ketara;
    - (l) Aset Biologi;
    - (m) Aset Dalam Pembinaan;
    - (n) Pendahuluan kepada Kumpulan Wang;
    - (o) Pendahuluan daripada Kumpulan Wang;
    - (p) Liabiliti Kewangan (tidak termasuk item (o), (q), (r), (s) dan (t));
    - (q) Wang Amanah;
    - (r) Peruntukan;
    - (s) Istibdal Wakaf;
    - (t) Belum Bayar;
    - (u) Kepentingan Bukan Kawalan, dibentangkan dalam Dana Amanah;
    - (v) Rizab; dan
    - (w) Lebihan/Kurangan Terkumpul.

- 5.4 Istilah **Agihan Wakalah Tertunda** merujuk kepada individu/organisasi yang diamanahkan untuk membuat agihan zakat bagi pihak entiti tetapi belum menghantar penyata agihan zakat kepada entiti.
- 5.5 **Dana Amanah** pula dibahagikan kepada dua iaitu dana terhad dan dana tidak terhad. Dana terhad ialah dana yang telah ditentukan matlamatnya dengan jelas seperti wakaf dan zakat. Dana tidak terhad ialah dana yang tidak ditentukan matlamat penggunaannya seperti lebihan Sumber Am.
- 5.6 Wakaf Khas dan Am boleh dibentangkan sebagai liabiliti dan/atau Dana Amanah bergantung kepada sifat transaksi wakaf tersebut. Wakaf dikelaskan sebagai Dana Amanah apabila wakaf tersebut adalah dalam bentuk aset fizikal atau tunai. Dalam sesetengah keadaan, apabila wakaf tunai yang dikhaskan untuk membina atau membeli sesuatu aset fizikal tetapi belum ditukarkan ke bentuk aset fizikal tersebut, maka wakaf berkenaan hendaklah dikelaskan sebagai liabiliti.
- 5.7 Entiti hendaklah membentangkan baris item tambahan selain daripada Seksyen 5.3, tajuk dan jumlah kecil pada muka Penyata Kedudukan Kewangan apabila pembentangan tersebut adalah relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti dan kumpulan wang.
- 5.8 Pertimbangan sama ada item tambahan dibentangkan secara berasingan adalah berdasarkan penilaian:
- (a) Fatwa dan pandangan hukum;
  - (b) Jenis dan kecairan aset;
  - (c) Fungsi aset dalam entiti;
  - (d) Amaun, jenis dan pemasaan liabiliti; dan
  - (e) Jenis dan tujuan dana.
- 5.9 Seksyen 5.3 hanya menyediakan senarai item yang berbeza dari segi sifat atau fungsi untuk membolehkan pembentangan berasingan dibuat pada muka Penyata Kedudukan Kewangan.
- 5.10 Piawaian ini tidak menetapkan turutan atau format bagaimana item perlu dibentangkan. Walau bagaimanapun, format ilustrasi adalah sebagai panduan penyediaan penyata kewangan seperti di **Lampiran 1**. Selain itu:
- (a) Baris item dimasukkan apabila saiz, sifat atau fungsi item atau pengagregatan item yang sama diperlukan supaya pembentangan berasingan adalah relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti; dan

- (b) Penerangan yang digunakan dan turutan item atau pengagregatan item yang sama boleh dipinda mengikut sifat entiti dan transaksinya, bagi memberikan maklumat yang relevan untuk memahami kedudukan kewangan entiti.
- 5.11 Penggunaan asas pengukuran yang berlainan bagi kelas asset yang berbeza menunjukkan bahawa sifat atau fungsinya adalah berbeza, dan, oleh itu, ia seharusnya dibentangkan sebagai item baris yang berasingan. Sebagai contoh, kelas bagi hartanah, loji dan peralatan yang berlainan boleh dibawa pada kos atau amaun yang dinilai semula menurut Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan.
- 5.12 Kebanyakan Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf tidak mempunyai modal saham, tetapi institusi tersebut dikawal secara eksklusif oleh entiti pelapor melalui sumber perundungan atau kepentingan entiti pelapor dalam dana amanah Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Jenis kepentingan tersebut mungkin merupakan kombinasi caruman modal dan agregat daripada lebihan atau kurangan terkumpul dan rizab Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf, yang menunjukkan dana amanah yang diperoleh daripada operasi Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf. Contoh caruman modal adalah seperti pemberian geran.
- 5.13 Apabila entiti tidak mempunyai modal saham, ia hendaklah mendedahkan Dana Amanah, sama ada pada muka Penyata Kedudukan Kewangan atau dalam Nota kepada Akaun, yang ditunjukkan secara berasingan:
- (a) Caruman modal, sebagai jumlah terkumpul pada tarikh pelaporan bagi sumbangan daripada pemilik, tolak pengagihan kepada pemilik;
  - (b) Lebihan atau kurangan terkumpul; dan
  - (c) Rizab, termasuk keterangan tentang jenis dan tujuan setiap rizab.

### **Maklumat Yang Akan Dibentangkan Sama Ada Pada Muka Penyata Kedudukan Kewangan Atau Dalam Nota Kepada Akaun**

---

- 5.14 Entiti hendaklah mendedahkan, sama ada pada muka Penyata Kedudukan Kewangan atau dalam Nota kepada Akaun, sub-klasifikasi selanjutnya bagi baris item yang dibentangkan, yang dikelaskan dengan cara yang bersesuaian dengan operasi entiti.
- 5.15 Maklumat terperinci yang terdapat dalam sub-klasifikasi bergantung kepada keperluan PPIBZW dan juga berdasarkan saiz, sifat dan fungsi amaun yang terlibat. Faktor yang dinyatakan dalam Seksyen 5.7 juga digunakan bagi menentukan asas sub-klasifikasi. Pendedahan adalah berbeza untuk setiap item, contohnya:
- (a) Item hartanah, loji dan peralatan dikategorikan mengikut kelas menurut Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan;

- (b) Item Belum Terima, dikategorikan mengikut amaun belum terima daripada hutang penebusan tanah faraid, sewaan premis atau tanah, hasil bukan pertukaran yang lain dan penghutang dagangan;
  - (c) Inventori dimasukkan dalam sub-klasifikasi menurut Seksyen 11, Inventori, seperti barang niaga, bekalan, bahan mentah dan barang siap;
  - (d) Peruntukan dikategorikan kepada peruntukan bagi manfaat pekerja dan item lain; dan
  - (e) Komponen Dana Amanah dipecahkan kepada pegangan modal, lebihan atau kurangan terkumpul, serta lain-lain rizab.
- 5.16 Entiti hendaklah mendedahkan dalam Nota kepada Akaun maklumat mengenai pendahuluan kepada/daripada suatu kumpulan wang kepada/daripada kumpulan wang lain. Contohnya, pendahuluan diberikan daripada Kumpulan Wang Zakat kepada Kumpulan Wang Sumber Am bagi tujuan program bersama anak-anak yatim.

### **Pengasingan Semasa/Bukan Semasa**

---

- 5.17 Penyata Kedudukan Kewangan bagi entiti hendaklah membentangkan aset semasa dan bukan semasa serta liabiliti semasa dan bukan semasa secara pengelasan berasingan pada muka penyata kewangan selaras dengan Seksyen 5.21 dan Seksyen 5.22.
- 5.18 Bagi setiap baris item aset dan liabiliti yang menggabungkan jumlah yang dijangka boleh diperoleh semula atau diselesaikan (a) tidak lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, dan (b) lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh pelaporan, jumlah yang dijangka boleh diperoleh semula atau diselesaikan selepas lebih daripada dua belas bulan hendaklah didedahkan dalam Nota kepada Akaun.
- 5.19 Apabila entiti membekalkan barang atau perkhidmatan dalam tempoh kitaran operasi yang dapat dikenal pasti dengan jelas, pengelasan berasingan bagi aset dan liabiliti semasa dan bukan semasa pada muka Penyata Kedudukan Kewangan dapat menyediakan maklumat berguna dengan membezakan antara aset bersih yang sentiasa digunakan sebagai modal kerja dengan aset yang digunakan dalam operasi jangka panjang entiti. Ia juga menunjukkan aset yang akan direalisasikan dalam tempoh kitaran operasi semasa, dan liabiliti yang telah matang untuk diselesaikan dalam tempoh yang sama.

5.20 Maklumat berhubung tarikh yang dijangka untuk merealisasikan aset dan liabiliti berguna untuk menilai kecairan dan kemampuan bayar entiti. Seksyen Instrumen Kewangan, menghendaki pendedahan tarikh matang bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan. Aset kewangan termasuklah pengutang dagangan dan pengutang lain, dan liabiliti kewangan termasuklah pembiutang dagangan dan pembiutang lain. Maklumat berhubung tarikh yang dijangka untuk pemulihan dan penyelesaian aset dan liabiliti bukan kewangan seperti inventori dan peruntukan juga berguna, sama ada aset dan liabiliti dikelaskan atau tidak sebagai semasa atau bukan semasa.

### Aset Semasa

---

5.21 Aset hendaklah dikelaskan sebagai semasa apabila menepati mana-mana kriteria berikut:

- (a) Aset dijangka direalisasikan, atau dipegang untuk jualan atau digunakan dalam, kitaran operasi normal entiti;
- (b) Aset dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan;
- (c) Aset dijangka direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan;
- (d) Aset ialah tunai atau kesetaraan tunai (seperti yang ditakrifkan dalam Seksyen 9, Penyata Aliran Tunai), melainkan aset tersebut tidak boleh ditukar atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- (e) Item yang bakal dilaksanakan yang perlu diselesaikan pada masa hadapan (tertakluk 12 bulan atau dalam kitaran normal entiti) dan bukan untuk didagangkan.

Semua aset lain hendaklah dikelaskan sebagai bukan semasa.

### Liabiliti Semasa

---

5.22 Liabiliti hendaklah dikelaskan sebagai liabiliti semasa apabila menepati mana-mana kriteria berikut:

- (a) Liabiliti dijangka diselesaikan dalam kitaran operasi normal entiti;
- (b) Liabiliti dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan;
- (c) Liabiliti dijangka diselesaikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau
- (d) Entiti tidak mempunyai hak tanpa syarat untuk menangguhkan penyelesaian liabiliti untuk sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan. Bagi liabiliti yang boleh diselesaikan melalui terbitan instrumen ekuiti atas pilihan rakan niaganya, tidak akan menjaskannya pengelasannya.

Semua liabiliti lain hendaklah dikelaskan sebagai bukan semasa.

## Seksyen 6

### *Penyata Prestasi Kewangan*

#### **Skop Seksyen**

---

- 6.1 Entiti perlu menyediakan Penyata Prestasi Kewangan menurut kehendak Seksyen ini dan perlu membentangkannya sebagai sebahagian daripada penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan yang dibentangkan secara berasingan.
- 6.2 Seksyen ini menerangkan tentang komponen bagi Penyata Prestasi Kewangan dan bagaimana untuk membentangkannya. Ia bertujuan menunjukkan prestasi entiti dan kumpulan wang melalui lebihan atau kurangan yang didapati dari perbezaan di antara hasil dan belanja bagi suatu tempoh tertentu.

#### **Lebihan Atau Kurangan Bagi Suatu Tempoh**

---

- 6.3 Semua item hasil dan belanja yang diiktiraf dalam suatu tempoh hendaklah dimasukkan dalam pengiraan lebihan atau kurangan, melainkan PPIBZW menghendaki sebaliknya. Walau bagaimanapun, mungkin wujud keadaan apabila item tertentu yang tidak dimasukkan dalam lebihan atau kurangan bagi tempoh semasa. Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan membincangkan dua keadaan tersebut iaitu pembetulan kesilapan dan kesan daripada perubahan dasar perakaunan.
- 6.4 Seksyen lain membincangkan item yang mungkin memenuhi definisi hasil atau belanja yang dinyatakan dalam Piawaian ini, tetapi biasanya tidak dimasukkan dalam lebihan atau kurangan. Contohnya, surplus penilaian semula (rujuk Seksyen 12, Hartanah, Loji dan Peralatan) laba dan rugi tertentu yang timbul daripada terjemahan terhadap penyata kewangan operasi asing (rujuk Seksyen Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing), dan laba atau rugi tertentu berhubung dengan pengukuran semula aset kewangan sedia-untuk-dijual (panduan tentang pengukuran aset kewangan boleh didapati dalam Seksyen Instrumen Kewangan).

#### **Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Prestasi Kewangan**

---

- 6.5 Selaras dengan Prinsip Kemestian, muka Penyata Prestasi Kewangan hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya baris item berikut:
  - (a) Hasil;
  - (b) Belanja mengikut sifat atau fungsi belanja;
  - (c) Kos pembiayaan;
  - (d) Bahagian lebihan atau kurangan daripada entiti bersekutu dan usaha sama yang diperakaunkan menggunakan kaedah ekuiti;

- (e) Laba atau rugi sebelum cukai yang diiktiraf bagi pelupusan aset atau penyelesaian liabiliti disebabkan oleh penamatan operasi selaras dengan Seksyen 3.17; dan
- (f) Lebihan atau kurangan.

### **Maklumat Yang Akan Dibentangkan Sama Ada Pada Muka Penyata Prestasi Kewangan Atau Dalam Nota kepada Akaun**

---

- 6.6 Apabila item hasil dan belanja adalah matan, maka sifat dan amaunnya hendaklah didedahkan secara berasingan.
- 6.7 Keadaan yang boleh menyebabkan item hasil dan belanja didedahkan secara berasingan termasuk:
  - (a) Sama ada amil merupakan entiti yang berasingan daripada entiti pelapor atau tidak, maklumat kutipan zakat hendaklah dibentangkan pada amaun kutipan kasar iaitu sebelum ditolak dengan bahagian amil;
  - (b) Sekiranya entiti pelapor merupakan amil, agihan asnaf amil bagi bahagian entiti pelapor hendaklah dipindahkan daripada Kumpulan Wang Zakat kepada Kumpulan Wang Sumber Am;
  - (c) Sekiranya amil merupakan entiti yang berasingan daripada entiti pelapor, perincian perbelanjaan bahagian agihan zakat kepada amil digalakkan untuk didedahkan;
  - (d) Penurunan nilai inventori kepada nilai realisasi bersih atau hartaanah, loji dan peralatan kepada amaun boleh pulih atau amaun perkhidmatan boleh pulih, jika sesuai, serta catatan penarikbalikan daripada penurunan nilai tersebut;
  - (e) Penstruktur semula aktiviti entiti dan sebarang catatan penarikbalikan peruntukan untuk kos penstruktur semula;
  - (f) Pelupusan item hartaanah, loji dan peralatan;
  - (g) Penswastaan atau pelupusan pelaburan yang lain;
  - (h) Penamatan operasi;
  - (i) Penyelesaian litigasi; dan
  - (j) Lain-lain catatan penarikbalikan peruntukan.
- 6.8 Entiti hendaklah membentangkan sama ada pada muka Penyata Prestasi Kewangan atau dalam Nota kepada Akaun, pengasingan amaun hasil dan belanja daripada sumber tidak patuh syariah, dan sub - klasifikasi bagi jumlah hasil yang diklasifikasikan mengikut cara yang bersesuaian dengan entiti.

## Pembentangan Maklumat Belanja

---

- 6.9 Entiti hendaklah membentangkan, sama ada pada muka Penyata Prestasi Kewangan atau dalam Nota kepada Akaun, analisis belanja dengan menggunakan klasifikasi sama ada berdasarkan belanja mengikut sifat atau fungsi dalam entiti, mengikut kesesuaian yang dapat menyediakan maklumat yang boleh dipercayai dan lebih relevan.

- (a) Analisis mengikut sifat belanja

Kaedah pertama analisis adalah belanja mengikut sifat. Belanja diagregatkan dalam Penyata Prestasi Kewangan mengikut sifat dan tidak diagihkan semula antara pelbagai fungsi dalam entiti. Kaedah ini mungkin mudah untuk digunakan kerana tidak memerlukan agihan belanja untuk diklasifikasikan mengikut fungsi. Contoh klasifikasi yang menggunakan kaedah belanja mengikut sifat adalah seperti yang berikut:

<b>Hasil</b>	<b>X</b>
Kos Manfaat Pekerja	(X)
Bekalan dan Perkhidmatan	(X)
Susut Nilai Dan Belanja Pelunasan	(X)
Lain-lain Belanja	(X)
<b>Jumlah Belanja</b>	<b>(X)</b>
<b>Lebihan/(kurangan)</b>	<b>XX</b>

- (b) Analisis mengikut fungsi belanja

Kaedah kedua analisis ialah belanja mengikut fungsi. Klasifikasi belanja adalah mengikut program atau tujuan perbelanjaan dibuat. Kaedah ini boleh memberikan maklumat yang lebih relevan kepada pengguna berbanding klasifikasi belanja mengikut sifat, tetapi mengagihkan kos kepada fungsi mungkin memerlukan peruntukan arbitri dan melibatkan pertimbangan yang terperinci. Contoh klasifikasi yang menggunakan kaedah belanja mengikut fungsi adalah seperti berikut:

### **Kumpulan Wang Wakaf**

#### **Hasil**

Wakaf Khas	X
Wakaf Am	X
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>XX</b>

#### **Belanja**

Wakaf Khas	(X)
Wakaf Am	(X)
Pentadbiran	(X)
Kesihatan	(X)
Pendidikan	(X)
Kebajikan	(X)
Pembangunan Insan	(X)
Lain-lain Belanja	(X)
<b>Jumlah Belanja</b>	<b>(XX)</b>
<b>Lebihan/(kurangan)</b>	<b>XX</b>

### **Kumpulan Wang Sumber Am**

#### **Hasil**

Sewa dan Pajakan Hartanah	X
Keuntungan Pelaburan	X
Hibah	X
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>XX</b>

#### **Belanja**

Pentadbiran	(X)
Kesihatan	(X)
Pendidikan	(X)
Kebajikan	(X)
Pembangunan Insan	(X)
Pembangunan Ekonomi	(X)
Lain-lain Belanja	(X)
<b>Jumlah Belanja</b>	<b>(XX)</b>
<b>Lebihan/(kurangan)</b>	<b>XX</b>

- 6.10 Entiti yang mengklasifikasikan belanja mengikut fungsi hendaklah mendedahkan maklumat tambahan dalam Nota kepada Akaun tentang sifat belanja, termasuk belanja susut nilai dan pelunasan dan belanja manfaat pekerja.

## Seksyen 7

### ***Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat***

#### **Skop Seksyen**

---

- 7.1 Entiti perlu menyediakan Penyata Kutipan dan Agihan Zakat menurut kehendak Seksyen ini dan perlu membentangkannya sebagai sebahagian daripada penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan yang dibentangkan.
- 7.2 Seksyen ini menerangkan tentang komponen bagi Penyata Kutipan dan Agihan Zakat dan bagaimana untuk membentangkannya bagi suatu tempoh tertentu. Penyata ini bertujuan menunjukkan pengurusan zakat oleh entiti dalam membuat kutipan dan agihan zakat serta Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih jika ada. Maklumat dalam penyata ini membantu pengguna memahami dengan terperinci kutipan dan agihan zakat yang dibuat oleh entiti dalam tahun semasa. Penyata ini hendaklah dibaca secara berasingan daripada penyata yang lain.

#### **Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Bagi Suatu Tempoh**

---

- 7.3 Semua item kutipan dan agihan zakat yang diiktiraf dalam suatu tempoh hendaklah dimasukkan dalam pengiraan Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih, melainkan PPIBZW menghendaki sebaliknya. Walau bagaimanapun, mungkin wujud keadaan apabila item tertentu yang tidak dimasukkan dalam Kutipan Zakat Belum Agih bagi tempoh semasa. Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan membincangkan dua keadaan tersebut iaitu pembetulan kesilapan dan kesan daripada perubahan dasar perakaunan.

#### **Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat**

---

- 7.4 Selaras dengan Prinsip Kemestian, muka penyata Kutipan dan Agihan Zakat hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya baris item berikut:
  - (a) Kutipan;
  - (b) Agihan mengikut jenis asnaf;
  - (c) Perolehan Aset Kegunaan Asnaf;
  - (d) Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Sebelum Perolehan Aset Kegunaan Asnaf; dan
  - (e) Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Selepas Perolehan Aset Kegunaan Asnaf seperti pada 31/12/20X2.

**Maklumat Yang Akan Dibentangkan Sama Ada Pada Muka Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat Atau Dalam Nota Kepada Akaun**

- 
- 7.5 Kutipan hendaklah didedahkan pada muka Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat mengikut jenis zakat. Maklumat mengenai kadar zakat dikenakan (nisab) mengikut fatwa perlu didedahkan dalam Nota kepada Akaun selaras dengan Prinsip Keperluan.
- 7.6 Makumat mengenai agihan boleh didedahkan pada muka Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat atau Nota kepada Akaun seperti berikut:
- (a) Asas dan pengiraan bagi pecahan agihan zakat kepada lapan (8) asnaf mengikut fatwa negeri masing-masing selaras dengan Prinsip Keperluan;
  - (b) Jenis agihan sama ada konsumtif atau produktif selaras dengan Prinsip Keperluan;
  - (c) Analisis agihan mengikut asnaf selaras dengan Prinsip Kesempurnaan;
  - (d) Maklumat lain yang relevan.
- 7.7 Agihan zakat produktif ialah perolehan aset yang diserahkan kepada asnaf untuk kegunaan asnaf yang ditentukan atau pemberian modal kepada asnaf dan kemudian dikembangkan. Agihan zakat konsumtif ialah agihan secara langsung sepenuhnya kepada asnaf yang bersesuaian berdasarkan pertimbangan pihak pengurusan entiti. Perolehan Aset Kegunaan Asnaf ialah perolehan aset yang diletakhukkan kepada entiti untuk kegunaan asnaf yang ditentukan.
- 7.8 Keadaan yang boleh menyebabkan item kutipan dan agihan didedahkan secara berasingan termasuklah;
- (a) sekiranya amil merupakan entiti berasingan daripada entiti pelapor, maklumat kutipan zakat hendaklah dibentangkan pada amaun kutipan kasar iaitu sebelum ditolak dengan bahagian amil. Maklumat mengenai agihan zakat kepada amil hendaklah didedahkan secara terperinci, contohnya; kategori amil, kadar upah amil dan agihan yang dibuat kepada amil. Agihan zakat kepada amil hendaklah didedahkan secara terperinci; dan
  - (b) lain-lain catatan penarikbalikan agihan.

## Seksyen 8

### ***Penyata Perubahan Dana Amanah***

#### **Skop Seksyen**

---

- 8.1 Entiti perlu menyediakan Penyata Perubahan Dana Amanah menurut kehendak Seksyen ini, dan perlu membentangkannya sebagai sebahagian daripada penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan yang dibentangkan.
- 8.2 Seksyen ini menerangkan tentang keperluan untuk membentangkan perubahan Dana Amanah entiti bagi suatu tempoh.

#### **Objektif Penyata Perubahan Dana Amanah**

---

- 8.3 Penyata Perubahan Dana Amanah entiti antara dua tarikh pelaporan, awal dan akhir tempoh hendaklah dibentangkan bagi menunjukkan peningkatan atau pengurangan Dana Amanah sepanjang tempoh itu.
- 8.4 Keseluruhan perubahan Dana Amanah sepanjang tempoh mewakili keseluruhan jumlah lebihan atau kurangan bagi suatu tempoh, hasil dan belanja lain diiktiraf secara langsung sebagai perubahan Dana Amanah termasuk sebarang sumbangan oleh, dan agihan kepada, pemilik dalam kapasitinya sebagai pemilik.

#### **Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Perubahan Dana Amanah**

---

- 8.5 Entiti hendaklah membentangkan Penyata Perubahan Dana Amanah dengan menunjukkan pada muka penyata:
  - (a) Lebihan atau kurangan bagi tempoh itu;
  - (b) Ringkasan baki Kumpulan Wang Amanah (sekiranya ada);
  - (c) Setiap item hasil dan belanja bagi tempoh itu yang seperti dikehendaki dalam Seksyen lain yang diiktiraf secara langsung dalam dana amanah dan jumlah keseluruhan item ini;
  - (d) Keseluruhan hasil dan belanja bagi tempoh itu (dikira sebagai jumlah (a) dan (c), dengan menunjukkan secara berasingan keseluruhan jumlah mengikut pemilik yang mengawal entiti dan kepentingan bukan kawalan; dan
  - (e) Bagi setiap komponen Dana Amanah yang dinyatakan secara berasingan, kesan daripada perubahan dasar perakaunan dan pembetulan kesilapan diiktiraf menurut Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.

- 8.6 Entiti hendaklah juga membentangkan, sama ada pada muka Penyata Perubahan Dana Amanah atau dalam Nota kepada Akaun:
- (a) Baki lebihan atau kurangan terkumpul pada awal tempoh dan pada tarikh pelaporan, dan perubahan sepanjang tempoh itu; dan
  - (b) Sehingga setakat komponen Dana Amanah didedahkan secara berasingan, penyesuaian antara nilai bawaan bagi setiap komponen Dana Amanah pada awal dan akhir tempoh dengan setiap perubahan didedahkan secara berasingan.
- 8.7 Sumbangan oleh, dan agihan kepada, pemilik termasuk pindahan antara dua entiti dalam entiti ekonomi. Sumbangan oleh pemilik dalam kapasitinya sebagai pemilik kepada entiti yang dikawal, diiktiraf sebagai pelarasan langsung kepada Dana Amanah hanya apabila sumbangan tersebut jelas meningkatkan kepentingannya dalam bentuk hak kepada Dana Amanah entiti.
- 8.8 Piawaian ini menghendaki semua item hasil dan belanja diiktiraf dalam suatu tempoh diambil kira dalam lebihan atau kurangan, melainkan Seksyen lain menghendaki sebaliknya. Seksyen lain menghendaki sesetengah item (seperti peningkatan dan pengurangan penilaian semula, perbezaan pertukaran asing yang tertentu) diiktiraf secara langsung sebagai perubahan dana amanah. Pertimbangan semua item hasil dan belanja bagi menilai perubahan dalam kedudukan kewangan entiti antara dua tarikh pelaporan adalah penting, maka Piawaian ini menghendaki pembentangan Penyata Perubahan Dana Amanah yang menekankan jumlah hasil dan belanja entiti, termasuk yang diiktiraf secara langsung dalam Dana Amanah.
- 8.9 Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan menghendaki pelarasan retrospektif untuk menunjukkan perubahan dalam dasar perakaunan, setakat yang boleh dipraktikkan, kecuali apabila peruntukan peralihan dalam PPIBZW lain menghendaki sebaliknya. Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan juga menghendaki pernyataan semula itu untuk membetulkan kesilapan yang dibuat secara retrospektif, setakat yang boleh dipraktikkan. Pelarasan retrospektif dan pernyataan semula retrospektif dibuat berdasarkan baki lebihan atau kurangan terkumpul kecuali apabila PPIBZW menghendaki pelarasan retrospektif bagi komponen lain dalam Dana Amanah. Seksyen 8.5(d) menghendaki pendedahan dalam Penyata Perubahan Dana Amanah bagi keseluruhan pelarasan terhadap setiap komponen Dana Amanah yang didedahkan secara berasingan akibat daripada perubahan dalam dasar perakaunan dan pembetulan kesilapan. Pelarasan ini didedahkan pada setiap tempoh sebelum dan awal tempoh.

## Seksyen 9

### *Penyata Aliran Tunai*

#### **Skop Seksyen**

- 
- 9.1 Entiti perlu menyediakan Penyata Aliran Tunai menurut kehendak Seksyen ini dan perlu membentangkannya sebagai sebahagian daripada penyata kewangan bagi setiap tempoh penyata kewangan yang dibentangkan.
  - 9.2 Seksyen ini menerangkan mengenai maklumat yang akan dibentangkan dalam Penyata Aliran Tunai dan bagaimana ia dibentangkan.
  - 9.3 Penyata Aliran Tunai ini menyediakan maklumat berkaitan perubahan dalam tunai dan kesetaraan tunai entiti untuk tempoh pelaporan. Ia menunjukkan perubahan berasingan daripada aktiviti operasi, aktiviti pelaburan dan aktiviti pembiayaan mengikut keperluan syariah.

#### **Objektif Penyata Aliran Tunai**

- 
- 9.4 Maklumat tentang aliran tunai entiti berguna kepada pengguna penyata kewangan bagi tujuan akauntabiliti dan membuat keputusan. Ia membolehkan pengguna mengetahui bagaimana entiti menguruskan tunai yang diterima daripada sumber zakat, wakaf dan sumber am untuk diaghikkan mengikut tuntutan syarak dan cara tunai tersebut digunakan. Dalam membuat dan menilai keputusan tentang pengagihan sumber seperti kemampuan aktiviti sesuatu entiti, pengguna perlu memahami tentang pemasaan dan kepastian aliran tunai.
  - 9.5 Maklumat aliran tunai yang lepas sering digunakan sebagai penunjuk bagi amaun, pemasaan dan kepastian aliran tunai masa hadapan. Maklumat ini juga berguna untuk meneliti ketepatan penilaian terdahulu bagi aliran tunai masa hadapan.
  - 9.6 Penyata ini, apabila digunakan bersama dengan penyata kewangan yang lain, dapat menyediakan maklumat berguna:
    - (a) mengenai struktur kewangan entiti untuk menilai kecairan dan kemampuan bayar entiti. Kecairan merujuk kepada kemampuan untuk memenuhi obligasi serta merta dan jangka pendek apabila tamat tempohnya. Kemampuan bayar merujuk kepada kemampuan untuk memenuhi obligasi jangka panjang apabila tamat tempohnya;
    - (b) bagi membolehkan pengguna menilai perubahan dalam dana amanah;
    - (c) bagi menilai keupayaan Penyata Aliran Tunai yang memberi kesan kepada amaun dan pemasaan aliran tunai agar dapat disesuaikan dengan perubahan keadaan dan peluang dalam memaksimumkan penggunaan tunai; dan

- (d) bagi meningkatkan kebolehbandingan laporan prestasi operasi oleh entiti yang berbeza kerana ia menghapuskan kesan penggunaan pengolahan perakaunan yang berbeza untuk transaksi yang sama dan peristiwa lain.

## Tunai Dan Kesetaraan Tunai

---

- 9.7 Tunai ialah terdiri daripada tunai di tangan dan deposit permintaan.
- 9.8 Kesetaraan tunai ialah pelaburan jangka pendek yang berkecairan tinggi yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.
- 9.9 Kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Untuk menetapkan suatu pelaburan sebagai kesetaraan tunai, pelaburan tersebut mestilah mudah ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Oleh itu, pelaburan biasanya ditetapkan sebagai kesetaraan tunai hanya apabila pelaburan tersebut mempunyai tempoh matang yang singkat. Contohnya, tiga bulan atau kurang, dari tarikh pemerolehan. Pelaburan ekuiti dikekualikan daripada kesetaraan tunai melainkan pelaburan itu adalah, pada dasarnya, kesetaraan tunai.
- 9.10 Pembiayaan bank seperti overdraf bank boleh dimasukkan sebagai komponen tunai dan kesetaraan tunai sekiranya overdraf tersebut perlu dibayar balik atas permintaan dan merupakan sebahagian penting daripada pengurusan tunai sesebuah entiti. Ciri-ciri aturan pembiayaan sedemikian selalunya melibatkan baki bank yang berubah-ubah daripada positif kepada terlebih ambil.

## Maklumat Yang Akan Dibentangkan Pada Muka Penyata Aliran Tunai

---

- 9.11 Entiti hendaklah membentangkan Penyata Aliran Tunai yang menunjukkan aliran tunai bagi tempoh pelaporan yang dikelaskan kepada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan dalam cara yang paling sesuai dengan aktivitinya.
- 9.12 Pengelasan mengikut aktiviti memberikan maklumat yang membolehkan pengguna menilai kesan daripada aktiviti tersebut terhadap kedudukan kewangan entiti dan jumlah tunai dan kesetaraan tunainya. Maklumat ini juga boleh digunakan untuk menilai hubung kait antara aktiviti tersebut.

## Aktiviti operasi

- 9.13 Aktiviti operasi ialah aktiviti utama selain daripada aktiviti pelaburan dan pembiayaan dalam menjalankan fungsi sebagai pemegang amanah.
- 9.14 Amaun aliran tunai bersih hasil daripada aktiviti operasi ialah penunjuk utama setakat mana operasi entiti tersebut dibiayai:
- (a) melalui zakat, wakaf dan sumber am; atau

- (b) daripada penerima barang atau perkhidmatan yang disediakan oleh entiti.
- 9.15 Aliran tunai daripada aktiviti operasi terhasil daripada transaksi dan peristiwa lain yang menentukan lebihan atau kurangan. Contoh aliran tunai daripada aktiviti operasi ialah:
- (a) Terimaan tunai daripada kutipan zakat, wakaf (contoh; wakaf tunai/saham wakaf) dan sumber am;
  - (b) Terimaan tunai daripada caj untuk barang dan perkhidmatan yang disediakan oleh entiti;
  - (c) Terimaan tunai daripada geran pengurusan atau pindahan dan sumbangan lain yang diberi oleh kerajaan pusat atau negeri serta entiti lain;
  - (d) Terimaan tunai daripada sewa, fi, komisen dan hasil lain;
  - (e) Bayaran tunai kepada penerima manfaat, contohnya asnaf dan penerima wakaf khas;
  - (f) Bayaran tunai kepada pembekal untuk barang dan perkhidmatan;
  - (g) Bayaran tunai kepada dan bagi pihak pekerja;
  - (h) Bayaran tunai untuk penyelenggaraan harta;
  - (i) Terimaan tunai daripada dan bayaran tunai kepada entiti takaful untuk premium dan tuntutan, anuiti dan manfaat polisi yang lain;
  - (j) Bayaran tunai cukai harta tanah tempatan atau cukai pendapatan (jika sesuai) berkaitan dengan aktiviti operasi;
  - (k) Terimaan dan bayaran tunai daripada kontrak yang dipegang untuk tujuan transaksi atau perdagangan;
  - (l) Terimaan atau bayaran tunai berkaitan dengan penyelesaian litigasi; dan
  - (m) Terimaan atau bayaran tunai bagi kumpulan wang lain.
- 9.16 Aliran tunai yang berkaitan dengan transaksi penjualan harta tanah yang boleh meningkatkan keuntungan atau kerugian yang termasuk dalam lebihan atau kurangan adalah merupakan aliran tunai daripada aktiviti pelaburan. Walau bagaimanapun, transaksi pembayaran tunai untuk membina atau memperoleh aset yang dipegang untuk disewa kepada orang lain dan kemudiannya dipegang untuk penjualan secara rutin, adalah aliran tunai daripada aktiviti operasi. Terimaan tunai daripada sewa dan penjualan aset tersebut juga adalah aliran tunai daripada aktiviti operasi.

- 9.17 Amaun aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi juga membantu dalam menunjukkan keupayaan entiti untuk mengekalkan keupayaan operasinya, menyelesaikan obligasi dan membuat pelaburan tanpa memohon bantuan daripada sumber pembiayaan luar. Selain itu, maklumat tentang komponen tertentu aliran tunai operasi yang lepas adalah berguna jika digabungkan dengan maklumat lain untuk meramal aliran tunai operasi masa hadapan.
- 9.18 Dalam keadaan entiti tidak dapat mengasingkan penerimaan dana melalui peruntukan daripada kerajaan atau entiti sektor awam yang lain, sama ada sebagai aktiviti semasa, modal kerja dan modal tercarum, entiti hendaklah mengelaskan penerimaan tersebut sebagai aliran tunai daripada operasi. Fakta ini perlu dinyatakan dalam Nota kepada Akaun.
- 9.19 Entiti hendaklah melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi dengan menggunakan sama ada:
- Kaedah langsung, dengan menyatakan kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar;
  - Kaedah tidak langsung, dengan menyatakan lebihan atau kurangan yang dilaraskan kesan daripada transaksi yang bersifat bukan tunai, sebarang terimaan dan bayaran tunai tertunda atau terakru daripada operasi masa lalu atau masa hadapan, dan item hasil atau belanja yang berkaitan dengan aliran tunai pelaburan atau pembiayaan.
- 9.20 Entiti adalah digalakkan untuk melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi dengan menggunakan kaedah langsung. Kaedah langsung menyediakan maklumat yang:
- berguna untuk menganggarkan aliran tunai masa hadapan bagi setiap baris item terimaan dan bayaran; dan
  - lebih jelas menerangkan aliran keluar masuk tunai yang melibatkan aktiviti operasi.

### ***Kaedah Langsung***

- 9.21 Di bawah kaedah langsung, maklumat tentang kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar boleh diperoleh sama ada:
- Daripada rekod perakaunan entiti; atau
  - Dengan mlaraskan hasil operasi, belanja operasi dan item lain dalam Penyata Prestasi Kewangan bagi:
    - Perubahan dalam inventori serta belum terima dan belum bayar daripada aktiviti operasi sepanjang tempoh berkenaan;
    - Item bukan tunai yang lain; dan
    - Item lain yang terhasil kesan daripada aliran tunai aktiviti pelaburan atau pembiayaan.

9.22 Entiti yang melaporkan aliran tunai daripada aktiviti operasi menggunakan kaedah langsung juga digalakkan untuk membuat penyesuaian antara lebihan atau kurangan daripada aktiviti biasa dengan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi. Penyesuaian ini boleh disediakan sebagai sebahagian daripada Penyata Aliran Tunai atau Nota kepada Akaun.

### ***Kaedah Tidak Langsung***

- 9.23 Di bawah kaedah tidak langsung, aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi ditentukan dengan melaraskan lebihan atau kurangan daripada aktiviti biasa kesan daripada:
- (a) Perubahan dalam inventori serta belum terima dan belum bayar daripada aktiviti operasi sepanjang tempoh berkenaan;
  - (b) Item bukan tunai seperti susut nilai, penjejasan nilai, peruntukan, laba dan rugi mata wang asing yang belum direalisasikan, lebihan entiti bersekutu yang tidak diagih dan kepentingan bukan kawalan; dan
  - (c) Item lain yang terhasil kesan daripada aliran tunai aktiviti pelaburan atau pembiayaan.

### **Aktiviti Pelaburan**

- 9.24 Aktiviti pelaburan ialah pemerolehan dan pelupusan aset jangka panjang dan pelaburan lain yang tidak termasuk dalam kesetaraan tunai.
- 9.25 Entiti perlu melaporkan secara berasingan kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar yang terhasil daripada aktiviti pelaburan bagi entiti dan setiap kumpulan wang.
- 9.26 Pendedahan berasingan aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pelaburan adalah penting kerana ia menunjukkan setakat mana aliran keluar tunai telah dibuat bagi sumber yang menyumbang kepada penyampaian perkhidmatan entiti dan kesejahteraan penerima manfaat pada masa hadapan.
- 9.27 Aliran keluar tunai yang terhasil daripada pengiktirafan aset dalam Penyata Kedudukan Kewangan sahaja boleh diklasifikasikan sebagai aktiviti pelaburan. Contoh aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pelaburan adalah seperti berikut:
- (a) Terimaan tunai daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan, serta aset tak ketara dan aset jangka panjang yang lain;
  - (b) Terimaan tunai daripada pelaburan atas pegangan aset bagi menjana hasil seperti dividen, keuntungan, sewaan daripada pelaburan harta tanah, loji dan peralatan;
  - (c) Terimaan tunai daripada pembayaran balik pendahuluan dan pembiayaan yang dibuat kepada pihak lain (selain pendahuluan dan pembiayaan yang dibuat oleh institusi kewangan Islam termasuk kumpulan wang lain);

- (d) Terimaan tunai daripada penjualan ekuiti dan kepentingan dalam usaha sama (selain penerimaan bagi instrumen yang dianggap sebagai kesetaraan tunai dan yang dipegang untuk tujuan transaksi atau dagangan);
- (e) Bayaran tunai untuk memperoleh harta tanah, loji dan peralatan, serta aset tak ketara dan aset jangka panjang yang lain. Pembayaran ini termasuk pembayaran yang berkaitan dengan kos pembangunan yang dipermodalkan seperti harta tanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri;
- (f) Pendahuluan tunai dan pembiayaan kepada pihak lain (selain pendahuluan dan pembiayaan yang dibuat oleh institusi kewangan Islam termasuk kumpulan wang lain); dan
- (g) Bayaran tunai untuk memperoleh ekuiti atau kepentingan dalam usaha sama (selain pembayaran untuk instrumen yang dianggap sebagai kesetaraan tunai atau yang dipegang untuk tujuan urus niaga atau dagangan).

## Aktiviti Pembiayaan

- 9.28 Aktiviti pembiayaan ialah aktiviti yang mengakibatkan perubahan dalam saiz dan komposisi modal tercarum, pembiayaan (merujuk kepada Seksyen Instrumen Kewangan) dan pinjaman oleh entiti.
- 9.29 Entiti perlu melaporkan secara berasingan kelas utama terimaan dan bayaran tunai kasar yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan bagi entiti dan setiap kumpulan wang.
- 9.30 Pendedahan berasingan bagi aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan penting untuk meramal tuntutan aliran tunai masa hadapan oleh pembiaya, penyumbang atau penyedia modal kepada entiti. Contoh aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti pembiayaan adalah seperti berikut:
  - (a) Bayaran balik tunai ke atas amaun yang dipinjam;
  - (b) Bayaran tunai oleh penerima pajak untuk mengurangkan liabiliti belum dijelaskan berkaitan dengan pajakan kewangan;
  - (c) Penerimaan tunai daripada terbitan modal saham, gadai janji dan pembiayaan jangka pendek atau panjang yang lain;
  - (d) Penerimaan tunai daripada dana wakaf/kumpulan wang lain yang perlu dibayar balik; dan
  - (e) Bayaran balik pembiayaan daripada dana wakaf/kumpulan wang lain.

## **Aliran Tunai Mata Wang Asing**

---

- 9.31 Aliran tunai yang terhasil daripada transaksi dalam mata wang asing hendaklah direkodkan dalam mata wang fungsian entiti dengan menukar amanu mata wang asing tersebut mengikut kadar pertukaran mata wang pada tarikh aliran tunai.
- 9.32 Laba dan rugi belum direalisasi yang terhasil daripada perubahan dalam kadar pertukaran mata wang asing adalah bukan aliran tunai. Walau bagaimanapun, kesan daripada perubahan kadar pertukaran atas tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang atau ter hutang dalam mata wang asing perlu dilaporkan dalam Penyata Aliran Tunai untuk disesuaikan dengan tunai dan kesetaraan tunai pada awal dan akhir tempoh. Amanu ini dibentangkan secara berasingan daripada aliran tunai aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan.

## **Pulangan Atau Pengagihan Pelaburan/Pembiayaan**

---

- 9.33 Aliran tunai daripada pulangan (contoh; hibah, keuntungan dan dividen diterima) atau pengagihan (contoh; hibah, keuntungan dan dividen dibayar) hendaklah setiap satunya didedahkan secara berasingan. Selain itu pulangan yang diterima dan tidak mematuhi syariah perlu dilaporkan secara berasingan sebagai baris item. Setiap satu hendaklah dikelaskan secara konsisten dari satu tempoh ke satu tempoh yang lain sama ada sebagai aktiviti operasi, pelaburan atau pembiayaan.
- 9.34 Keseluruhan amanu kos pembiayaan yang dibayar sepanjang tempoh didedahkan dalam penyata aliran tunai, sama ada ia telah diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan atau dipermodalkan selaras dengan pengolahan alternatif yang dibenarkan dalam Seksyen Kos Pembiayaan.
- 9.35 Entiti boleh mengelaskan caj pembiayaan dan hasil pembiayaan dan dividen diterima sebagai aliran tunai operasi kerana ia diambil kira dalam penentuan lebihan atau kurangan. Selain itu, caj pembiayaan, hasil pembiayaan dan dividen diterima masing-masing boleh dikelaskan sebagai aliran tunai pembiayaan dan aliran tunai pelaburan kerana ia merupakan kos bagi mendapatkan sumber kewangan atau pulangan atas pelaburan.
- 9.36 Entiti boleh mengelaskan agihan yang dibayar sebagai aliran tunai pembiayaan kerana ia merupakan kos bagi mendapatkan sumber kewangan. Selain itu, dividen boleh dikelaskan sebagai suatu komponen aliran tunai daripada aktiviti operasi kerana ia dibayar daripada aliran tunai operasi.

**Pelaburan Dalam Entiti Yang Dikawal, Entiti Bersekutu Dan Usaha Sama**

- 9.37 Apabila mengakaunkan pelaburan dalam entiti bersekutu atau entiti yang dikawal menggunakan kaedah ekuiti atau kos, maka entiti sebagai pelabur mengehadkan pelaporannya dalam Penyata Aliran Tunai setakat aliran tunai antara dirinya dengan penerima pelaburan. Contohnya, dividen atau pengagihan serupa dan pendahuluan.
- 9.38 Entiti yang melaporkan kepentingan dalam entiti yang dikawal bersama, dengan menggunakan kaedah ekuiti, perlu memasukkan dalam penyata aliran tunainya:
- Aliran tunai berhubung dengan pelaburannya dalam entiti yang dikawal bersama itu; dan
  - Pengagihan dan bayaran atau terimaan lain antara entiti dengan entiti yang dikawal bersama itu.

**Pemerolehan Dan Pelupusan Entiti Yang Dikawal Dan Unit Operasi Lain**

- 9.39 Jumlah aliran tunai yang terhasil daripada pemerolehan dan pelupusan entiti yang dikawal atau unit operasi lain perlu dibentangkan secara berasingan dan dikelaskan sebagai aktiviti pelaburan.
- 9.40 Entiti perlu menyatakan, dalam jumlah pemerolehan dan pelupusan entiti yang dikawal atau unit operasi lain yang berlaku dalam tempoh itu, setiap yang berikut:
- Jumlah pembelian atau ganjaran pelupusan;
  - Sebahagian pembelian atau ganjaran pelupusan yang dilunaskan secara tunai dan kesetaraan tunai;
  - Amaun tunai dan kesetaraan tunai dalam entiti yang dikawal atau unit operasi yang diperoleh atau dilupuskan; dan
  - Amaun aset dan liabiliti, selain tunai atau kesetaraan tunai, yang telah diiktiraf oleh entiti yang dikawal atau unit operasi yang diperoleh atau dilupuskan, diringkaskan mengikut setiap kategori utama.
- 9.41 Pembentangan berasingan bagi aliran tunai kesan daripada pemerolehan dan pelupusan entiti yang dikawal dan unit operasi lain sebagai satu baris item bersama dengan pendedahan berasingan bagi amaun aset dan liabiliti yang diperoleh atau dilupuskan akan membantu untuk membezakan aliran tunai tersebut daripada aliran tunai yang terhasil daripada aktiviti operasi, pelaburan dan pembiayaan lain. Aliran tunai kesan daripada pelupusan tidak ditolak daripada pemerolehan tersebut.
- 9.42 Jumlah tunai yang dibayar atau diterima sebagai ganjaran bagi pembelian atau penjualan dilaporkan dalam Penyata Aliran Tunai sebagai tunai dan kesetaraan tunai bersih yang diperoleh atau dilupuskan.

## Maklumat Yang Akan Dibentangkan Di Nota Kepada Akaun

---

### Transaksi Bukan Tunai

- 9.43 Transaksi pelaburan dan pembiayaan yang tidak memerlukan penggunaan tunai atau kesetaraan tunai tidak perlu dimasukkan dalam Penyata Aliran Tunai. Transaksi tersebut perlu didedahkan dalam Nota kepada Akaun dengan cara yang dapat memberikan semua maklumat mengenai aktiviti pelaburan dan pembiayaan ini.
- 9.44 Kebanyakan aktiviti pelaburan dan pembiayaan tidak mempunyai kesan langsung terhadap aliran tunai semasa, walaupun aktiviti ini memberi kesan atas struktur modal dan aset entiti. Tindakan tidak memasukkan transaksi bukan tunai dalam Penyata Aliran Tunai adalah selaras dengan objektif Penyata Aliran Tunai kerana item ini tidak melibatkan aliran tunai dalam tempoh semasa. Contoh transaksi bukan tunai ialah:
- (a) Pemerolehan aset sama ada melalui pertukaran aset, atau dengan mengambil liabiliti yang terlibat dengan aset tersebut secara langsung, atau melalui pajakan kewangan; dan
  - (b) Penukaran daripada hutang kepada ekuiti.

### Komponen Tunai Dan Kesetaraan Tunai

- 9.45 Entiti perlu mendedahkan komponen tunai dan kesetaraan tunai dan perlu membentangkan penyesuaian amaun dalam Penyata Aliran Tunai dengan item yang setara yang dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- 9.46 Memandangkan terdapat pelbagai amalan pengurusan tunai dan aturan perbankan di seluruh dunia, dan untuk mematuhi Seksyen 4, Pembentangan Penyata Kewangan, entiti hendaklah mendedahkan dasar yang diterima pakai bagi menentukan komposisi tunai dan kesetaraan tunai dalam Nota kepada Akaun.
- 9.47 Kesan daripada sebarang perubahan dasar bagi menentukan komponen tunai dan kesetaraan tunai, sebagai contoh, tunai di bank, tunai di tangan dan pelaburan jangka pendek. Perubahan pengelasan instrumen kewangan yang sebelum ini dianggap sebagai sebahagian daripada portfolio pelaburan entiti, perlu dilaporkan menurut Seksyen Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan.

### Pendedahan Lain

- 9.48 Entiti perlu mendedahkan bersama dengan ulasan daripada pengurusan dalam Nota kepada Akaun, amaun baki tunai dan kesetaraan tunai yang signifikan dipegang oleh entiti tetapi tidak boleh digunakan oleh entiti dan entiti yang dikawal.

- 9.49 Terdapat pelbagai keadaan apabila baki tunai dan kesetaraan tunai yang dipegang oleh entiti tidak dapat digunakan oleh entiti dan entiti yang dikawal. Contohnya, wakaf tunai dan istibdal wakaf yang belum ditukarkan kepada aset fizikal dan wang tunai yang dijadikan sebagai cagaran bagi fasiliti kewangan bank.
- 9.50 Entiti hendaklah mendedahkan secara berasingan amaun tunai bagi kutipan zakat belum agih dan amaun tunai yang lain dalam baki tunai dan kesetaraan tunai.
- 9.51 Pendedahan maklumat tambahan bersama dengan penerangan dalam Nota kepada Akaun yang mungkin relevan kepada pengguna untuk memahami kedudukan kewangan dan kecairan entiti dan kumpulan wang, adalah digalakkan. Maklumat ini boleh termasuk:
- (a) amaun kemudahan pembiayaan yang belum diterima yang boleh digunakan untuk aktiviti operasi masa hadapan dan untuk melangsaiakan komitmen modal serta sebarang sekatan terhadap penggunaan kemudahan ini;
  - (b) amaun dan sifat baki tunai yang disekat penggunaannya termasuk tunai atau kesetaraan tunai yang terhasil daripada penggunaan aset oleh entiti, ia perlu diagihkan kepada penerima manfaat dan tertakluk kepada sekatan atau syarat-syarat tertentu yang perlu dipenuhi; dan
  - (c) perbandingan jumlah bajet yang disediakan pada asas tunai dengan jumlah sebenar seperti penambahan satu lajur bajet dalam penyata kewangan. Maklumat ini boleh membantu pengguna memahami hubung kait antara aktiviti atau program entiti yang sebenar dengan maklumat bajet entiti.

## Seksyen 10

### *Nota Kepada Akaun*

#### **Skop Seksyen**

---

10.1 Seksyen ini menetapkan prinsip yang mendasari maklumat yang perlu dibentangkan dalam Nota kepada Akaun kepada penyata kewangan dan bagaimana ia dibentangkan. Nota ini mengandungi maklumat tambahan kepada pembentangan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Kutipan Dan Agihan Zakat, Penyata Perubahan Dana Amanah dan Penyata Aliran Tunai. Sebagai tambahan kepada keperluan seksyen ini, hampir setiap seksyen lain dalam Piawaian ini memerlukan pendedahan yang biasanya memerlukan pembentangan dalam Nota kepada Akaun.

#### **Objektif Nota Kepada Akaun**

---

10.2 Nota kepada Akaun menyediakan huraiyan yang menjelaskan atau mengasingkan item yang dibentangkan dalam penyata tersebut dan maklumat mengenai item yang tidak layak untuk diiktiraf dalam penyata tersebut.

#### **Struktur Nota Kepada Akaun**

---

10.3 Nota-nota kepada Akaun hendaklah:

- (a) Membentangkan maklumat mengenai asas penyediaan penyata kewangan dan polisi perakaunan khusus yang digunakan mengikut Seksyen 10.2 hingga 10.9;
- (b) Mendedahkan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang diperlukan oleh Piawaian ini yang tidak dibentangkan di bahagian lain dalam penyata kewangan; dan
- (c) Memberikan maklumat kewangan dan bukan kewangan yang tidak dibentangkan di bahagian lain dalam penyata kewangan tetapi relevan untuk memahami maklumat-maklumat tersebut.

10.4 Entiti hendaklah, setakat yang dapat dilaksanakan, membentangkan nota-nota kepada Akaun secara sistematik. Setiap item dalam penyata kewangan hendaklah dirujuk silang dengan maklumat yang berkaitan dalam Nota kepada Akaun.

10.5 Nota biasanya dibentangkan dalam urutan berikut, yang membantu pengguna memahami:

- (a) Penyataan bahawa penyata kewangan telah disediakan dengan mematuhi PPIBZW (rujuk Seksyen 3.8);
- (b) Ringkasan bagi polisi perakaunan penting yang diguna pakai (rujuk Seksyen 10.6);

- (c) Maklumat sokongan bagi item yang dibentangkan dalam penyata kewangan mengikut urutan bagi setiap penyata dan setiap baris item yang dibentangkan; dan
- (d) Sebarang pendedahan lain.

### **Pendedahan Polisi Perakaunan**

---

10.6 Entiti perlu mendedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang penting seperti berikut:

- (a) Asas pengukuran yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan;
- (b) Polisi perakaunan lain yang digunakan yang relevan untuk memahami penyata kewangan; dan
- (c) Fatwa yang memberi kesan kepada pengolahan perakaunan.

### **Maklumat Mengenai Pertimbangan**

---

10.7 Entiti perlu mendedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang penting atau di Nota kepada Akaun yang lain, pertimbangan selain daripada yang melibatkan anggaran, Seksyen 10.9 (Maklumat mengenai Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran) yang telah dibuat oleh pihak pengurusan dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan entiti yang mempunyai kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

10.8 Sekiranya PPIBZW tidak menyatakan pengolahan perakaunan secara khusus, pihak pengurusan hendaklah menggunakan pertimbangannya dalam membangunkan dan mengaplikasikan polisi perakaunan yang memenuhi keperluan syariah dan menjadikan maklumat tersebut:

- (a) boleh dipercayai, bagi menunjukkan penyata kewangan itu;
  - i. menunjukkan gambaran sebenar kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai sesuatu entiti;
  - ii. mencerminkan inti pati ekonomi suatu transaksi, peristiwa dan keadaan lain, dan bukan bentuk sah di sisi undang-undang semata-mata;
  - iii. adalah neutral, iaitu bebas daripada berat sebelah;
  - iv. adalah berhemat; dan
  - v. adalah lengkap dalam semua aspek matan.
- (b) relevan kepada pengguna dalam membuat keputusan.

**Maklumat Mengenai Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran**

---

- 10.9 Entiti perlu mendedahkan maklumat dalam Nota kepada Akaun mengenai andaian utama berkaitan masa hadapan dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang lain pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko signifikan dan menyebabkan pelarasaran matan kepada amaun bawaan aset dan liabiliti dalam tahun kewangan berikutnya. Nota kepada Akaun hendaklah mengandungi butiran maklumat mengenai aset dan liabiliti berkenaan, termasuk:
- (a) sifatnya; dan
  - (b) amaun bawaannya pada akhir tempoh pelaporan.

Muka surat ini dibiarkan kosong dengan sengaja.

**LAMPIRAN 1**  
**ILUSTRASI STRUKTUR PENYATA**  
**KEWANGAN DISATUKAN**

**ILUSTRASI STRUKTUR PENYATA KEWANGAN**

*Ilustrasi ini hanyalah Lampiran dan bukan sebahagian daripada PPIBZW-Pembentangan Penyata Kewangan.*

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

Nota	Kumpulan		Majlis	
	20X2	20X1	20X2	20X1
<b>ASET</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Aset Semasa</b>				
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	x	x	x	x
Belum Terima	x	x	x	x
Agihan Wakalah Tertunda	x	x	x	x
Pendahuluan Kepada Kumpulan Wang	x	x	x	x
Inventori	x	x	x	x
<b>Jumlah Aset Semasa</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>Aset Bukan Semasa</b>				
Pelaburan Dalam Entiti yang Dikawal	x	x	x	x
Pelaburan Dalam Entiti Bersekutu	x	x	x	x
Pelaburan Dalam Entiti Yang Dikawal Bersama	x	x	x	x
Aset Kewangan Lain	x	x	x	x
Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x	x	x
Hartanah Pelaburan	x	x	x	x
Aset Tak Ketara	x	x	x	x
Aset Biologi	x	x	x	x
Aset Dalam Pembinaan	x	x	x	x
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>Jumlah Aset</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>LIABILITI</b>				
<b>Liabiliti Semasa</b>				
Belum Bayar	x	x	x	x
Pendahuluan Daripada Kumpulan Wang	x	x	x	x
Pembiayaan Bank	x	x	x	x
Wang Amanah	x	x	x	x
Wakaf Khas	x	x	x	x
Wakaf Am	x	x	x	x
Peruntukan	x	x	x	x
Liabiliti Kewangan	x	x	x	x
Istibdal Wakaf	x	x	x	x
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>				
Pinjaman	x	x	x	x
Pembiayaan Bank	x	x	x	x
Liabiliti Pajakan	x	x	x	x
Pelan Penceh dan Ganjaran	x	x	x	x
Pendapatan Tertunda	x	x	x	x
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>
<b>ASET BERSIH</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>
<b>DANA AMANAH:</b>				
<b>Dana Terhad</b>				
Wang Amanah	x	x	x	x
Wakaf Khas (Ain)	x	x	x	x
Wakaf Am (Ain)	x	x	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Zakat	x	x	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wakaf	x	x	x	x
<b>Dana Tidak Terhad</b>				
Rizab	x	x	x	x
Rizab Penilaian Semula	x	x	x	x
Kepentingan Bukan Kawalan, Dibentangkan Dalam Dana Amanah	x	x	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am	x	x	x	x
<b>Jumlah Dana Amanah</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG SUMBER AM  
 PENYATA PRESTASI DISATUKAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	<b>Kumpulan</b>		<b>Majlis</b>	
		<b>20X2</b>	<b>20X1</b>	<b>20X2</b>	<b>20X1</b>
		<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>
<b>HASIL</b>					
Zakat Bahagian Amil		X	X	X	X
Hasil Am		X	X	X	X
Hasil Fi Jabatan Agama Islam		X	X	X	X
Hasil Fi Mahkamah Syariah		X	X	X	X
Sewa & Pajakan Hartanah		X	X	X	X
Faraid		X	X	X	X
Wasiat		X	X	X	X
Hibah		X	X	X	X
Keuntungan Pelaburan Saham		X	X	X	X
Keuntungan Simpanan Tetap		X	X	X	X
Pelbagai Pendapatan		X	X	X	X
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>
<b>PERBELANJAAN</b>					
Emolumen		(x)	(x)	(x)	(x)
Bekalan dan Bahan-Bahan		(x)	(x)	(x)	(x)
Kos Perhubungan Dan Utiliti		(x)	(x)	(x)	(x)
Kos Penyelenggaraan & Pembaikan		(x)	(x)	(x)	(x)
Pemberian & Bantuan		(x)	(x)	(x)	(x)
Insuran & Pampasan		(x)	(x)	(x)	(x)
Susut Nilai Aset Hartanah, Loji Dan Peralatan		(x)	(x)	(x)	(x)
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		(x)	(x)	(x)	(x)
Hutang Ragu, Penjejasan Nilai Dan Hapus Kira		(x)	(x)	(x)	(x)
Lain-lain Perbelanjaan		(x)	(x)	(x)	(x)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		<b>(x)</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>
Laba/(Rugi) Daripada Penamatan Operasi		X	X	X	X
<b>LEBIHAN/(KURANGAN)</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG ZAKAT  
PENYATA PRESTASI DISATUKAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

Nota	Kumpulan		Majlis	
	20X2	20X1	20X2	20X1
<b>Hasil</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>
Kutipan Zakat	X	X	X	X
Hibah	X	X	X	X
Dividen	X	X	X	X
Sewaan	X	X	X	X
Keuntungan Pelaburan	X	X	X	X
Lain-lain Hasil	X	X	X	X
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>
<b>Agihan</b>				
Elaun Bulanan Asnaf	(x)	(x)	(x)	(x)
Bantuan Kecemasan Asnaf	(x)	(x)	(x)	(x)
Perbelanjaan Pentadbiran	(x)	(x)	(x)	(x)
<b>Perbelanjaan</b>				
Penyelenggaraan	(x)	(x)	(x)	(x)
Perbelanjaan Pemasaran	(x)	(x)	(x)	(x)
Susut Nilai Aset Zakat	(x)	(x)	(x)	(x)
Hutang Ragu, Penjejasan Nilai dan Hapus Kira	(x)	(x)	(x)	(x)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>
Laba/(Rugi) daripada Penamatan Operasi	X	X	X	X
<b>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun Semasa</b>	<b>XX</b>	<b>XX</b>	<b>XX</b>	<b>XX</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG WAKAF  
PENYATA PRESTASI DISATUKAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	<b>Kumpulan</b>		<b>Majlis</b>	
		<b>20X2</b>	<b>20X1</b>	<b>20X2</b>	<b>20X1</b>
		<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>
<b>Hasil</b>					
Wakaf Khas		x	x	x	x
Wakaf Am		x	x	x	x
Sewaan Tanah dan Bangunan		x	x	x	x
Pelunasan Pendapatan Tertunda		x	x	x	x
Pelaburan		x	x	x	x
Hibah Simpanan Tetap		x	x	x	x
Dividen		x	x	x	x
Pelbagai Terimaan		x	x	x	x
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>Perbelanjaan</b>					
Emolumen		(x)	(x)	(x)	(x)
Perhubungan dan Utiliti		(x)	(x)	(x)	(x)
Penyelenggaraan		(x)	(x)	(x)	(x)
Pemasaran dan Promosi		(x)	(x)	(x)	(x)
Sumbangan Pelaburan Hartanah		(x)	(x)	(x)	(x)
Sumbangan, Pemberian dan Bayaran Tetap		(x)	(x)	(x)	(x)
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan		(x)	(x)	(x)	(x)
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		(x)	(x)	(x)	(x)
Hutang Ragu, Rosot Nilai dan Hapus Kira		(x)	(x)	(x)	(x)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>(x)</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>	<b>(x)</b>
Laba/(Rugi) daripada Penamatan Operasi		x	x	x	x
<b>Lebihan/(Kurangan)</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>	<b>xx</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**  
**PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH DISATUKAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20X2**

Nota	Kumpulan		Majlis							
	Diselbahkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal		Diselbahkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal							
	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Rizab Penilaian Semula	Kepentingan Aset Kewangan Sedia Untuk-Dijual	Jumlah Aset Bersih / Ekuuiti	Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disatukan	Kumpulan Wang Anamah	Rizab Penilaian Semula	Aset Kewangan Sedia Untuk-Dijual	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Aset Bersih / Ekuuiti
Baki pada 1 Januari 2018	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Seperi yang dilaporkan sebelum ini Perubahan dalam Dasar Perakaunan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Seperi Dinyatakan Semula	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Perubahan Aset Bersih / Ekuuiti Bagi 2018</b>										(x)
Pelarasan Tahun Lepas	x				x					(x)
Laba(Rugi) Penilaian Semula Hartanah, Loji dan Peralatan					x					x
Laba(Rugi) Pengukuran Semula Aset Kewangan Sedia-Untuk-Dijual		x		x	x		x			(x)
Terimaan Bayaran Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun	x				x		x			x
<b>Jumlah Hasil dan Belanja Dikiraf bagi Tempoh</b>	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Baki seperti pada 31 Disember 20X1	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Perubahan Aset Bersih / Ekuuiti bagi 2019</b>										
Pelarasan Tahun Lepas					x					(x)
Loji dan Peralatan					x					x
Pelarasan Tahun Lepas					x		x			(x)
Laba(Rugi) Pengukuran Semula Aset Kewangan Sedia-Untuk-Dijual		x		x	x		x			x
Terimaan Bayaran Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun					x		x			(x)
<b>Jumlah Hasil dan Belanja Dikiraf bagi Tempoh</b>	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Baki seperti pada 31 Disember 20X2	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI**  
**PENYATA ALIRAN TUNAI DISATUKAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	Kumpulan		Majlis	
		20X2	20X1	20X2	20X1
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>					
<b>Lebihan/(Kurangan) Sebelum Cukai dan Zakat</b>		x	x	x	x
Pergerakan Bukan Tunai / Peralasan Untuk :					
Susut Nilai-Hartanah, Loji dan Peralatan		x	x	x	x
Susut Nilai-Hartanah Pelaburan		x	x	x	x
Pelunasan Pendapatan Tertunda		x	x	x	x
Peralasan KW Tahun Semasa		x	x	x	x
Peningkatan Dalam Peruntukan Bagi Hutang Ragu		x	x	x	x
Peningkatan dalam Pinjaman		x	x	x	x
Peningkatan Dalam Peruntukan Berkaitan Dengan Kos Pekerja		x	x	x	x
(Laba)/Rugi Jualan Hartanah, Loji Dan Peralatan		x	x	(x)	(x)
(Laba)/Rugi Jualan Pelaburan		(x)	(x)	x	x
Peningkatan Dalam Aset Semasa Lain		x	x	x	x
Peningkatan Dalam Pelaburan Disebabkan Oleh Penilaian Semula		x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja</b>					
Perubahan modal kerja :					
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Inventori		x	x	x	x
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Pengutang		(x)	x	(x)	x
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Wang Khas Dan Istibdal		x	x		
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Terhutang Oleh Syarikat Subsidiari		x	x		
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Terhutang Kepada Syarikat Subsidiari		(x)	x		
(Pengurangan) / Peningkatan Dalam Pembiutang		x	x	x	x
<b>Tunai daripada aktiviti operasi</b>					
Pendapatan Dari Simpanan Dan Pelaburan		x	x	x	x
Dividen Kepada Kepentingan Bukan Kawalan		x	x	x	x
Zakat Dibayar		x	x	x	x
Cukai Dibayar		x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi</b>		x	x	x	x
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>					
Belian Hartanah, Loji Dan Peralatan		x	x	x	x
Belian Hartanah Pelaburan		x	x	x	x
Laba Rugi Pengukuran Semula Aset		x	x	x	x
Terimaan Daripada Jualan Hartanah, Loji Dan Peralatan		x	x	x	x
Pengurangan Lain-lain Aset Kewangan					
Pembelian Saham Entiti Yang Dikawal					
Terimaan Daripada Jualan Pelaburan		x	x	x	x
Belian Sekuriti Mata Wang Asing		x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan</b>		x	x	x	x
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>					
Terimaan Daripada Pinjaman		x	x	x	x
Bayaran Balik Pinjaman		x	x	x	x
Pengagihan/Dividen Kepada Kerajaan		x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>		x	x	x	x
<b>Peningkatan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai</b>		x	x	x	x
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tempoh</b>		x	x	x	x
<b>Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh</b>		x	x	x	x

**ILUSTRASI STRUKTUR PENYATA KEWANGAN  
MENGIKUT KUMPULAN WANG**

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	Kumpulan Wang Wakaf		Kumpulan Wang Zakat		Kumpulan Wang Sumber Am		Majlis			
		20X2	20X1	20X2	20X1	RM'000	RM'000	20X2	20X1	RM'000	RM'000
<b>ASET</b>											
Aset Semasa											
Tunai dan Kesetaraan Tunai	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Belum Terima	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aghian Wakalah Tertunda	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pendahuluan Kepada Kumpulan Wang	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Inventori	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Aset Semasa</b>	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aset Bukan Semasa											
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pelaburan dalam Entiti Bersekutu	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pelaburan dalam Entiti yang Dikawal Bersama	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aset Kewangan Lain	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Hartanah Pelaburan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aset Tak Ketara	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aset Biologi	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aset Dalam Pembinaan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Aset Bukan Semasa</b>	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Aset</b>	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>LIABILITI</b>											
Liabiliti Senasa											
Belum Bayar	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pendahuluan daripada Kumpulan Wang	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pembayaran Bank	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Wang Amanah	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Wakaf Khas	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Wakaf Am	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peruntukan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Liabiliti Kewangan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Istibdal Wakaf	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Liabiliti Semasa</b>	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

Lampiran 1

	Nota	Kumpulan Wang Wakaf		Kumpulan Wang Zakat		Kumpulan Wang Sumber Am		Majlis
		20X2	20X1	20X2	20X1	20X2	20X1	
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>								
Pinjaman		x	x	x	x	x	x	x
Pembayaran Bank		x	x	x	x	x	x	x
Liabiliti Pajakan		x	x	x	x	x	x	x
Pelan Pencen dan Ganjaran		x	x	x	x	x	x	x
Pendapatan Tertunda		x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Liabiliti Bukan Semasa</b>		x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Liabiliti</b>		xx	xx	xx	xx	xx	xx	xx
<b>ASET BERSIH</b>								
<b>DANA AMANAH:</b>								
<b>Dana Terhad</b>								
Wang Amanah		x	x	x	x	x	x	x
Wakaf Khas (Ain)		x	x	x	x	x	x	x
Wakaf Am (Ain)		x	x	x	x	x	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Zakat		x	x	x	x	x	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Wakaf		x	x	x	x	x	x	x
<b>Dana Tidak Terhad</b>								
Rizab		x	x	x	x	x	x	x
Rizab Penilain Semula		x	x	x	x	x	x	x
Kepentingan Bukan Kawalan, Dibentangkan Dalam Dana Amanah		x	x	x	x	x	x	x
Lebihan/(Kurangan) Terkumpul Sumber Am		x	x	x	x	x	x	x
<b>Jumlah Dana Amanah</b>		xx	xx	xx	xx	xx	xx	xx

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG SUMBER AM  
PENYATA PRESTASI SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	20X2	20X1
		RM '000	RM '000
<b>HASIL</b>			
Zakat Bahagian Amil		X	X
Hasil Am		X	X
Hasil Fi Jabatan Agama Islam		X	X
Hasil Fi Mahkamah Syariah		X	X
Sewa & Pajakan Hartanah		X	X
Faraid		X	X
Wasiat		X	X
Hibah		X	X
Keuntungan Pelaburan Saham		X	X
Keuntungan Simpanan Tetap		X	X
Pelbagai Pendapatan		X	X
<b>JUMLAH HASIL</b>		X	X
<b>PERBELANJAAN</b>			
Emolumen		(x)	(x)
Bekalan dan Bahan-Bahan		(x)	(x)
Kos Perhubungan dan Utiliti		(x)	(x)
Kos Penyelenggaraan & Pembaikan		(x)	(x)
Pemberian & Bantuan		(x)	(x)
Insuran & Pampasan		(x)	(x)
Susut Nilai Aset Hartanah, Loji dan Peralatan		(x)	(x)
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		(x)	(x)
Hutang Ragu, Penjejasan Nilai dan Hapus Kira		(x)	(x)
Lain-lain Perbelanjaan		(x)	(x)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>		(x)	(x)
Laba/(Rugi) Daripada Penamatan Operasi		X	X
<b>LEBIHAN/(KURANGAN)</b>		<b>XX</b>	<b>XX</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG ZAKAT  
PENYATA PRESTASI SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	20X2	20X1
		<b>RM '000</b>	<b>RM '000</b>
<b>Hasil</b>			
Kutipan Zakat		X	X
Hibah		X	X
Dividen		X	X
Sewaan		X	X
Keuntungan Pelaburan		X	X
Lain-lain Hasil		X	X
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>X</b>	<b>X</b>
<b>Agihan</b>			
Elaun Bulanan Asnaf		(x)	(x)
Bantuan Kecemasan Asnaf		(x)	(x)
Perbelanjaan Pentadbiran		(x)	(x)
<b>Perbelanjaan</b>			
Penyelenggaraan		(x)	(x)
Perbelanjaan Pemasaran		(x)	(x)
Susut Nilai Aset Zakat		(x)	(x)
Hutang Ragu, Penjejasan Nilai dan Hapus Kira		(x)	(x)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>(x)</b>	<b>(x)</b>
Laba/(Rugi) daripada Penamatan Operasi		X	X
<b>Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun Semasa</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG WAKAF  
PENYATA PRESTASI SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	20X2	20X1
		RM '000	RM '000
<b>Hasil</b>			
Wakaf Khas		X	X
Wakaf Am		X	X
Sewaan Tanah dan Bangunan		X	X
Pelunasan Pendapatan Tertunda		X	X
Pelaburan		X	X
Hibah Simpanan Tetap		X	X
Dividen		X	X
Pelbagai Terimaan		X	X
<b>Jumlah Hasil</b>		<b>X</b>	<b>X</b>
 <b>Perbelanjaan</b>			
Emolumen		(x)	(x)
Perhubungan dan Utiliti		(x)	(x)
Penyelenggaraan		(x)	(x)
Pemasaran dan Promosi		(x)	(x)
Sumbangan Pelaburan Hartanah		(x)	(x)
Sumbangan, Pemberian dan Bayaran Tetap		(x)	(x)
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan		(x)	(x)
Susut Nilai Hartanah Pelaburan		(x)	(x)
Hutang Ragu, Rosot Nilai dan Hapus Kira		(x)	(x)
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>		<b>(x)</b>	<b>(x)</b>
 Laba/(Rugi) daripada Penamatan Operasi		X	X
 <b>Lebihan/(Kurangan)</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG ZAKAT  
PENYATA KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	20X2	20X1
		RM'000	RM'000
<b>KUTIPAN:</b>			
Zakat Pendapatan		x	x
Zakat Perniagaan		x	x
Zakat Simpanan		x	x
Zakat Fitrah		x	x
Zakat Harta		x	x
Zakat KWSP		x	x
Zakat Emas		x	x
Zakat Saham		x	x
Zakat Qadha		x	x
Zakat Ternakan		x	x
Zakat Tanaman		x	x
<b>Jumlah Kutipan Zakat</b>		x	x
<i>Tolak (-)</i>			
<b>AGIHAN:</b>			
<b>Konsumtif</b>			
Asnaf Amil		x	x
Asnaf Miskin		x	x
Asnaf Muallaf		x	x
Asnaf Ibnu Sabil		x	x
Asnaf Fisabilillah		x	x
Asnaf Riqab		x	x
Asnaf Gharimin		x	x
Asnaf Fakir		x	x
<b>Produktif:</b>			
Asnaf Fisabilillah		x	x
Asnaf Muallaf		x	x
<b>Jumlah Agihan Zakat</b>		x	x
<b>Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Sebelum Perolehan Aset</b>			
<b>Kegunaan Asnaf</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>
<i>Tolak (-)</i>			
Perolehan Aset Kegunaan Asnaf		<b>xx</b>	<b>xx</b>
<b>Jumlah Perolehan Aset Kegunaan Asnaf</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>
<b>Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Selepas Perolehan Aset</b>			
<b>Kegunaan Asnaf</b>		x	x
<i>Tambah (+)</i>			
Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Selepas Perolehan Aset Kegunaan Asnaf Seperti Pada 1/1/20X2		x	x
<b>Kutipan Zakat Belum/(Terlebih) Agih Selepas Perolehan Aset Kegunaan Asnaf Seperti Pada 31/12/20X2</b>		<b>xx</b>	<b>xx</b>

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
PENYATA PERUBAHAN DANA AMANAH BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 20X2**

Nota	Kumpulan Wang Sumber Am			Kumpulan Wang Wakaf			Kumpulan Wang Zakat			Majlis		
	Disabahkan oleh Pemilik Entiti yang Mengawal	Disabahkan oleh Entiti yang Mengawal										
Baki Pada 1 Januari 2018												
Seri Perubahan Dalam Dasar Perakaunan												
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disantikan	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Rizab Penilaian Sembila												
Aset Kew-Sedia-Untuk-Dijual	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Kepentingan Bukan Kawalan												
Jumlah Aset Bersih / Ekuiti	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disantikan												
Jumlah Aset Bersih / Ekuiti	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disantikan												
Jumlah Aset Bersih / Ekuiti	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Lebihan / (Kurangan) Terkumpul atau Dana Disantikan												
Jumlah Aset Bersih / Ekuiti	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti Bagi 2018												
Pelarasan Tahun Lepas Laba/(Rugi) Penilaian Sembila Hartanah, Lot dan Perabotan Laba/(Rugi) Pengakuan Sembila Aset Kewangan Sedia-Untuk-Dijual Terimman Bayaran Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun												
Jumlah Hasil dan Belanja Dikriturf bagi Tempoh	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Baki seperti pada 31 Disember 20X1	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Perubahan Aset Bersih / Ekuiti bagi 2019												
Pelarasan Tahun Lepas Laba/(Rugi) Penilaian Sembila Hartanah, Lot dan Perabotan Laba/(Rugi) Pengakuan Sembila Aset Kewangan Sedia-Untuk-Dijual Terimman Bayaran Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun												
Jumlah Hasil dan Belanja Dikriturf bagi Tempoh	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Baki seperti pada 31 Disember 20X2	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x	x

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
PENYATA ALIRAN TUNAI SEPERTI PADA 31 DISEMBER 20X2**

	Nota	Kumpulan Wang Wakaf		Kumpulan Wang Zakat		Kumpulan Wang Sumber Am		Majlis	
		20X2	20X1	20X2	20X1	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI Lebihan/(Kurangan) Sebelum Cukai dan Zakat</b>									
Pergerakan Bukan Tunai / Pelarasan Untuk Susut Nila Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pelumas Pendapatan Pertuenda	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peningkatan KW Tahun Semasa	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peningkatan Dalam Peruntukan Bagi Hutang Ragu	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peningkatan Dalam Pinjaman	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peningkatan Dalam Peruntukan Berkaitan Dengan Kos Pekerja (Laba)/Rugi Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x	(x)	x	(x)	x	x	x	(x)
(Laba)/Rugi Jualan Pelaburan	(x)	x	x	x	x	(x)	x	x	x
Peningkatan Dalam Aset Semasa Lain	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Peningkatan Dalam Pelaburan Disebabkan Oleh Penilaian Semula	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi Sebelum Perubahan Modal</b>									
Kerja									
Perubahan Modal Kerja :									
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Inventori	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Penghitungan	(x)	x	(x)	x	(x)	x	x	x	(x)
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Wang Khas dan Istibdal	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pengurangan / (Peningkatan) Dalam Terhutang Oleh Syarikat Subsidiari (Pengurangan) / (Peningkatan) Dalam Terhutang Kepada Syarikat Subsidiari (Pengurangan) / Peningkatan Dalam Pembiayaan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Tunai Daripada Aktiviti Operasi</b>									
Pendapatan Dari Simpanan Dan Pelaburan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Dividen Kepada Kepentingan Bukan Kawalan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Zakat Dibayar	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Cukai Dibayar	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>									
Belian Hartanah, Loji dan Peralatan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Belian Hartanah Pelaburan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Laba/(Rugi) Pengukuran Semula Aset	x	x	x	x	x	x	x	x	x

## Lampiran 1

	Nota	Kumpulan Wang Wakaf		Kumpulan Wang Zakat		Kumpulan Wang Sumber Am		Majlis	
		20X2	20X1	20X2	20X1	20X2	20X1	20X2	20X1
Terimman Daripada Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan Pengurangan Lain-lain Aset Kewangan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pembelian Saham Entiti Yang Dikawal	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Terimman Daripada Jualan Pelaburan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Belian Sekuriti Mata Wang Asing	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN</b>									
Terimman Daripada Pinjaman	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Bayaran Balik Pinjaman	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Pengagihan/Dividend Kepada Kerajaan	x	x	x	x	x	x	x	x	x
<b>Aliran Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>	<b>x</b>
<b>Peningkatan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai Dan Kesetaraan Tunai</b>									
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tempoh	x	x	x	x	x	x	x	x	x
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tempoh	x	x	x	x	x	x	x	x	x

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG SUMBER AM  
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DENGAN AMAUN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 20X2  
BAJET PADA ASAS TUNAI  
(Mengikut Fungsi)**

	<b>Amaun Bajet</b>		<b>Amaun Sebenar pada Asas Perbandingan</b>	<b>Perbezaan: Bajet Akhir dengan Asal</b>
	<b>Asal</b>	<b>Akhir</b>		
	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>	<b>RM'000</b>
<b>Pendapatan</b>				
Hasil Am	X	X	X	X
Hasil Fi Jabatan Agama Islam	X	X	X	X
Hasil Fi Mahkamah Syariah	X	X	X	X
Sewa & Pajakan Hartanah	X	X	X	X
Faraid	X	X	X	X
Wasiat	X	X	X	X
Hibah	X	X	X	X
Pelbagai Pendapatan	X	X	X	X
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>XX</b>	<b>XX</b>	<b>XX</b>	<b>XX</b>
<b>PERBELANJAAN</b>				
Emolumen	(X)	(X)	(X)	(X)
Bekalan Dan Bahan-Bahan	(X)	(X)	(X)	(X)
Kos Perhubungan Dan Utiliti	(X)	(X)	(X)	(X)
Kos Penyelenggaraan & Pembaikan	(X)	(X)	(X)	(X)
Pemberian & Bantuan	(X)	(X)	(X)	(X)
Insuran & Pampasan	(X)	(X)	(X)	(X)
Susut Nilai Aset	(X)	(X)	(X)	(X)
Hutang Ragu, Penjejasan Nilai Dan Hapus Kira	(X)	(X)	(X)	(X)
Lain-lain Perbelanjaan	(X)	(X)	(X)	(X)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>(XX)</b>	<b>(XX)</b>	<b>(XX)</b>	<b>(XX)</b>
<b>TERIMAAN / (BAYARAN) BERSIH</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>	<b>X</b>

Nota : Ini adalah contoh bagi Kumpulan Wang Sumber Am. Bagi Kumpulan Wang lain, entiti boleh mengikuti contoh pembentangan dan format yang sama.

**MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
KUMPULAN WANG SUMBER AM  
PENYATA PERBANDINGAN BAJET DENGAN AMAUN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR  
31 DISEMBER 20X2  
BAJET TAHUNAN DAN PENYATA KEWANGAN MENGGUNAKAN ASAS YANG SAMA  
(Mengikut Fungsi)**

Sebenar 20XX-1	RM	Sebenar	Bajet Akhir	Bajet Asal	Perbezaan: Bajet Asal dengan Sebenar
		20XX	20XX	20XX	
	<b>Pendapatan</b>				
X	Hasil Am	X	X	X	X
X	Hasil Fi Jabatan Agama Islam	X	X	X	X
X	Hasil Fi Mahkamah Syariah	X	X	X	X
X	Sewa & Pajakan Hartanah	X	X	X	X
X	Faraid	X	X	X	X
X	Wasiat	X	X	X	X
X	Hibah	X	X	X	X
X	Pelbagai Pendapatan	X	X	X	X
XX	<b>Jumlah Pendapatan</b>	XX	XX	XX	XX
	<b>PERBELANJAAN</b>				
(X)	Emolumen	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Bekalan dan Bahan-Bahan	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Kos Perhubungan dan Utiliti	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Kos Penyelenggaraan & Pembaikan	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Pemberian & Bantuan	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Insuran & Pampasan	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Susut Nilai Aset	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Hutang Ragu, Penjejasan Nilai dan Hapus Kira	(X)	(X)	(X)	(X)
(X)	Lain-lain Perbelanjaan	(X)	(X)	(X)	(X)
(XX)	<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	(XX)	(XX)	(XX)	(XX)
X	<b>TERIMAAN / (BAYARAN) BERSIH</b>	X	X	X	X

# GLOSARI

Terma	Definisi	Lokasi
Entiti bersekutu	entiti di mana pelabur mempunyai pegangan signifikan.	2.4(a)
Entiti mengawal	entiti yang mengawal satu atau lebih entiti.	2.4(b)
Entiti yang dikawal	entiti yang dikawal oleh entiti lain.	2.4(c)
Entiti ekonomi	sekumpulan entiti yang terdiri daripada entiti mengawal dan satu atau lebih entiti yang dikawal.	2.4(d)
Fatwa	fatwa yang diwartakan, pandangan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri atau sebarang jawatankuasa yang seumpamanya dan pandangan rasmi mufti secara bertulis.	2.4(e)
Kumpulan Wang	sumber terkumpul yang mempunyai maksud atau tujuan tertentu.	2.4(f)
Maqasid Syariah	makna dan tujuan yang dikehendaki syarak dalam pensyariatan sesuatu hukum bagi menjamin kemaslahatan umat manusia.	2.4(g)
Sumbangan daripada pemilik	<p>manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang disumbangkan kepada entiti oleh pihak di luar entiti, selain yang menyebabkan timbulnya liabiliti kepada entiti, yang mewujudkan kepentingan kewangan dalam Dana Amanah entiti, yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Melayakkan untuk (i) pengagihan manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan oleh entiti sepanjang hayatnya, apabila pengagihan tersebut mengikut budi bicara pemilik atau wakil mereka, dan untuk (ii) pengagihan sebarang lebihan aset atas liabiliti sekiranya entiti digulung; dan/atau;</li> <li>ii. Boleh dijual, ditukar, dipindah atau ditebus.</li> </ul>	2.4(h)

Sumber Am	hasil agama Islam selain daripada zakat dan wakaf seperti lebihan pusaka, pengurusan wasiat, hibah, sedekah, fidyah, kafarah, nazar, luqatah, wang tidak patuh syariah dan sumber lain seperti wang amanah sepetimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.	2.4(i)
Syariah	hukum syarak yang berlandaskan Al-Quran, As-Sunnah dan sumber-sumber hukum lain yang diterima.	2.4(j)
Wakaf	sebarang harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut dengan matlamat mengekalkan fizikalnya ('ain) dan nilai aset bagi aset bukan fizikal manakala manfaat disalurkan dengan niat mendekatkan diri pewakaf kepada Allah sepetimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.	2.4(k)
Zakat	kadar yang ditentukan daripada beberapa jenis harta yang wajib dikeluarkan kepada golongan asnaf tertentu apabila cukup syarat tertentu sepetimana yang ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang.	2.4(l)





e ISBN 978-967-26810-0-7

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-26810-0-7.

9 7 8 9 6 7 2 6 6 8 1 0 0 7